

**WARNA-WARNI SEMPENA SAMBUTAN  
ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-29  
PADA 23 FEBRUARI 2013**





*Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda  
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah  
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,  
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.*



**Terbitan**  
Unit Penerbitan Melayu  
Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri  
Negara Brunei Darussalam

**Cetakan Pertama 2014**

**Hakcipta**  
Jabatan Penerangan

**Penyelaras**  
Sastraa Sarini binti Haji Julaini  
Muhd. Khairulhadi bin Haji Muhd. Muhtaddir  
Wahid bin Haji Halim

**Susunan/Reka Letak/Taip Set**  
Hajah Painah binti Paiman

**Pruf**  
Hajah Norpisah binti Mohd. Salleh  
Astrilena@Atikah binti Mohd. Asyraf  
Hajah Sujimawati binti Mejari

**Reka Bentuk Kulit Luar**  
Kulit Luar:  
Muhammad Al Khaliq bin Ali

Dicetak oleh  
Jabatan Percetakan Kerajaan  
Jabatan Perdana Menteri

**Koleksi Foto**  
Bahagian Fotografi Jabatan Penerangan



***Titah***

***Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda  
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah  
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,  
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam  
Sempena Menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan  
Negara Brunei Darussalam Ke-29 pada 23 Februari 2013***

**Titah**  
**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda**  
**Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni**  
**Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,**  
**Sultan dan Yang Di- Pertuan Negara Brunei Darussalam**  
**Sempena Menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-29**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Bismillahir Rahmanir Rahim

**A**lhamdulillahi Rabbil'alameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhamadin, Wa'ala Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat lagi menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan kita. Sambutan pada kali ini ialah sambutan yang ke 29.

Ulang tahun itu kita peringati kerana ia adalah sejarah kita, sejarah menjawat kemerdekaan. Kita jawat kemerdekaan itu dengan takbir Allahu Akbar iaitu suatu cara tersendiri yang tidak pernah berlaku di mana-mana.

Cara ini tentu saja tidak kosong daripada hikmah. Malah beta melihatnya sebagai satu alamat baik kepada Brunei, yang kini sudahpun jadi kenyataan dikenali sebagai Negara Zikir atau Negara MIB.

Begitulah, semua itu berlaku tentu saja dengan izin dan kehendak Allah jua.

Dengan berkat kalimat Allahu Akhbar kemerdekaan tanah air telah membawa hasil yang sangat lumayan berupa keamanan dan kemakmuran serta Ugama Islam bersinar-sinar menjadi pegangan dan amalan di Negara Brunei Darussalam.

Begitu juga dengan berkat kalimat ini, kita telah ditakdirkan dapat melakukan beberapa tanggungjawab besar untuk negara.

Ini semua, kita jangan lupa berlaku dalam era setelah merdeka. Mengingat ini, kita sepatutnya akan lebih-lebih lagi menyayangi kemerdekaan itu.

Tanda orang sayang sangatlah mudah dikenali. Hatinya telus kepada bangsa dan budinya pula luhur, suka berjasa. Dia tidak mahu dilihat sebagai lemah manakala berlaku sesuatu kepada negaranya.

Inilah dia sikap yang patut dimiliki oleh setiap diri individu yang bernama rakyat jelata.

Rakyat jelata yang sensitif lagi patriotik sangatlah diperlukan oleh negara terutamamereka yang dari kalangan generasi muda serta para belia kerana mereka itu adalah pewaris masa depan kita.

Masa depan akan suram jika mereka itu tidak terlibat membina negara. Mereka mesti turut berkecimpung dalam setiap aktiviti kenegaraan sekurang-kurangnya menjadi penyumbang moral yang aktif.

Contoh sumbangan moral itu ialah seperti menjadi rakyat yang baik, yang ikhlas lagi amanah serta taat dan mematuhi undang-undang dan tidak membebani negara dengan perbuatan-perbuatan anti sosial atau asyik dengan berseronok-seronok semata-mata.

Berseronok yang melampau-lampau boleh melemahkan jentera masyarakat kerana tiada apa yang dapat ditunggu daripadanya kecuali kerugian jua.

Kerana itu, menurut kaum cerdik pandai untuk menjadi bangsa yang maju dan kuat, kenalah kita mengurangkan berseronok dan menggantikannya dengan banyak bekerja dan berfikir.

Elakkan dari menurutkan rasa hati tanpa banyak menimbang dan berfikir dan ingatlah bahawa berfikir itu adalah mahkota hidup.

Atas rasional inilah, kerajaan beta menguatkan pendidikan iaitu selaku pemangkin kepada kemajuan. Komitmen kerajaan dalam bidang ini adalah menyeluruh untuk sekalian rakyat tanpa mengira suku atau kaum.

Ia juga adalah antara objektif Wawasan 2035 untuk melahirkan rakyat terpelajar lagi berkemahiran sebagai pra syarat membolehkan kita bersaing ditengah-tengah kemajuan global.

Beta mahu biarlah rakyat responsif terhadap usaha-usaha kerajaan untuk negara.

Sekurang-kurangnya mereka itu dapat memahami aspirasi kerajaan melakukan sesuatu rancangan itu. Mereka tidak boleh lepas pandang atau berkata tidak tahu kerana perbuatan lepas pandang atau berkata tidak tahu itu adalah amat memalukan bagi suatu bangsa yang sedang membangun.

Dalam era perlumbaan hari ini, kita selaku rakyat tidaklah boleh tercicir dari turut mendukung gagasan negara. Jika tercicir, bermakna kita tertinggal di belakang dan terpinggir.

Siapapun juga, mestilah turut berkayuh menuju matlamat yang dituju. Jangan ada yang angkat pengayuh atau enggan berkayuh tetapi mesti sama-sama berkayuh barulah namanya kita sejawa mencipta masa depan yang cerah.

Pada tahun ini saja, ada beberapa rancangan besar yang memerlukan komitmen rakyat. Dalam perkara agama, kita sudahpun menguatkuaskan ‘Perintah Pendidikan Ugama Wajib 2012’ yang melibatkan seluruh rakyat dan penduduk yang beragama Islam. Kemudian seiringan itu kita juga telah berjaya mewujudkan ‘Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar’iah’ yang memerlukan dukungan dan sokongan penuh rakyat.

Demikian juga kita telah menguatkuaskan peraturan menutup sementara premis-premis perniagaan pada hari Jumaat sehingga selesai menunaikan Fardu Juma’at.

Ini semua adalah langkah-langkah besar ke arah peningkatan. Sayugia diingat bahawa kita membangun adalah meliputi pembangunan fizikal dan rohani. Malah pembangunan jenis kedua inilah yang lebih-lebih lagi dituntut kerana impaknya mencakup dua keuntungan sekaligus: keuntungan dunia dan keuntungan di akhirat.

Sebab itu, adalah sedikit dikesali jika terdapat pendirian kurang gembira dengan peraturan ini dengan menganggapnya sebagai menjaskan ekonomi.

Beta sudahpun menyebut bahawa peraturan ini penting untuk menjaga imej negara dan juga imej Islam sendiri. Kedua-duanya itu kita mahu supaya terpelihara dan sentiasa indah.

Ini sama halnya apabila kita melarang dari dihidangkan arak di dalam penerbangan, ada yang berkata rugi kerana penerbangan akan dikhuatiri tidak laku. Tetapi orang tidak ingat keuntungan di akhirat dan keuntungan rahmat serta berkat daripada Allah Subhanahu Wata’ala. Dan malah orang tidak nampak bahawa dengan kehendak Allah jua penerbangan yang menghidangkan arak pun boleh

juga rugi, bahkan lebih besar kerugian daripada kita yang tidak menghidangkan arak.

Ini membawa makna, perkiraan untung rugi itu adalah semata-mata relatif jua di mana yang betulnya kita hendaklah menerima dan membuat apa-apa jua yang terbaik dengan berpandukan janji Allah Subhanahu Wata'ala.

Inilah cara kita mengisi kemerdekaan sambil mensyukurinya. Kita boleh isi ia dengan seberapa banyak jua rancangan atau aktiviti yang berkebajikan, insya-Allah kita dan negara tidak akan dihamparkan.

Akhirnya, beta dengan ikhlas merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi dan lain-lain Jawatankuasa Sambutan Perayaan Ulang Tahun Ke-29 Hari Kebangsaan dan semua peserta serta petugas yang turut berusaha untuk menjayakan perayaan ini.

Beta juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua lapisan rakyat termasuk semua peringkat warga Perkhidmatan Awam meliputi mereka yang bertugas di luar negara, Pasukan-Pasukan Keselemanan serta mereka yang berkhidmat di sektor swasta dengan irungan doa semoga Allah memberkati kita dan negara. Amin.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu‘alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



*Majlis Doa Kesukuran  
Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah,  
Sembahyang Sunat Hajat,  
Membaca Surah Yaa Siin, Doa Kesukuran  
dan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah  
Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan  
Negara Brunei Darussalam Ke-29, Tahun 1434H / 2013M*

**Majlis Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah,  
Sembahyang Sunat Hajat, Membaca Surah Yaa Siin,  
Doa Kesyukuran dan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah  
Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-29**

**B**ersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-29, Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaan, Sembahyang Sunat Hajat, Membaca Surah Yaa Siin, Doa Kesyukuran dan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah telah diadakan di keempat-empat daerah pada 22 Februari 2013 dengan tumpuan utama di Masjid Omar ‘Ali Saifuddien di ibu negara dan di semua masjid dan surau-surau di seluruh negara.



*KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta ahli-ahli kerabat diraja yang lain berkenan berangkat bersama rakyat dan penduduk di negara ini menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Sembahyang Sunat Hajat, Membaca Surah Yaa Siin, Doa Kesyukuran dan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah di Masjid Omar ‘Ali Saifuddien di ibu negara. Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji ‘Abdul Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda ‘Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda ‘Abdul Wakeel.*



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta ahli-ahli kerabat diraja yang lain berkenan berangkat bersama rakyat dan penduduk di negara ini menuai Sembahyang Sunat Hajat diimamkan oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Awang Haji Besar (atas). Manakala Bacaan Surah Yaa Siin dipimpin oleh Timbalan Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Suhaili bin Haji Mohiddin, sementara Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.**





**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia berserta anakanda-anakanda baginda (atas) dan para jemaah terdiri daripada rakyat dan penduduk negara ini (bawah) menadah tangan mengaminkan Doa Kesyukuran yang dipimpin oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.





*Perhimpunan Agung Sambutan  
Ulang Tahun Hari Kebangsaan  
Negara Brunei Darussalam Ke-29*





**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Mahajara Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah berkenan berangkat ke Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-29 di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien di ibu negara.**



**YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen juga berangkat ke Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-29.**



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan memeriksa perbarisan kawalan kehormatan yang terdiri dari anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).**



**PERBARISAN** lalu oleh anggota Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) iaitu sebuah institusi yang dipertanggungjawabkan, mengawal keamanan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.



*PASUKAN Jabatan Perdana Menteri yang mengambil bahagian dalam perbarisan lalu di hadapan Pentas Diraja.*



*SEBAHAGIAN daripada peserta-peserta perbarisan lalu yang memeriahkan lagi suasana Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-29 (atas dan bawah).*

















*Upacara Menaikkan Bendera Besar  
Negara Brunei Darussalam  
Menandakan Bermulanya  
Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan  
Negara Brunei Darussalam Ke-29*

## **KIBAR BENDERA PUPUK SEMANGAT CINTAKAN NEGARA**

**B**ersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke-29, Bendera Besar negara dikibarkan dengan megah di Kawasan Lapang Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah di ibu negara pada hari Ahad 10 Februari 2013.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah.

Yang Berhormat menyerahkan Bendera Besar kepada Pasukan Tentera Laut Diraja Brunei yang kemudiannya melaksanakan upacara menaikkan bendera diiringi Lagu Kebangsaan oleh gabungan kumpulan koir Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khatab dan Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah serta Pasukan Pancaragam Polis Diraja Brunei.

Yang Berhormat juga menyempurnakan penyampaian bendera-bendera dan poster-poster sempena sambutan tersebut kepada Pegawai-pegawai Daerah.

Berangkat / hadir di majlis itu ialah Yang Amat Mulia Pengiran Seri Wijaya Pengiran Haji Ahmad bin Pengiran Haji Mohd. Yusof; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin; Pesuruhjaya Polis, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu; Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap serta pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Dengan berkibarnya Bendera Besar Negara Brunei Darussalam ini, rakyat dan penduduk mula menaikkan bendera negara manakala bagi orang-orang kenamaan dan bergelar hendaklah mengibarkan bendera peribadi masing-masing.



*MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah selaku tetamu kehormat di Upacara Menaikkan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam Sempena Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-29 di kawasan lapang Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.*



*MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah menyerahkan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam kepada anggota Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) untuk dikibarkan.*





*Penyerahan  
bendera dan poster negara  
disempurnakan  
serentak di keempat-empat daerah*



*MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah menyampaikan bendera negara kepada Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Jamain bin Momin.*



*MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah menyampaikan bendera negara kepada Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman.*



*MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah menyampaikan bendera negara kepada Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Samsul Bahrin bin Haji Mohd. Hussain.*



*MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah menyampaikan bendera negara kepada Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Suhara Fadzali bin Haji Yusop .*



*MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah menyeraikan poster sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-29 kepada Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Jamain bin Momin.*



*MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah menyampaikan menyeraikan poster sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-29 kepada Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman.*



*MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah menyeraikan poster sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-29 kepada Pegawai Daerah Tutong, Awang Samsul Bahrin bin Haji Mohd. Hussain..*



*MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah menyeraikan poster sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-29 kepada Pegawai Daerah Temburong, Awang Suhara Fadzali bin Haji Yusop .*



*PARA penuntut sekolah terdiri daripada anggota pertubuhan beruniform turut meraikan Upacara Menaikkan Bendera Besar di kawasan lapang Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.*




# SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

KE -29 TAHUN

12 RABIULAKHIR 1434 / 23 FEBRUARI 2013



## 'NEGARAKU BRUNEI DARUSSALAM'



**Kibarkan Bendera Negara dan Peribadi  
Mulai 29 Rabiulawal 1434 / 10 Februari 2013  
Hingga 15 Rabiulakhir 1434 / 26 Februari 2013**



# سِيَّمْ عَلَى الْعَمَرِ مَا يُكْسَبُ كِفَافٌ

SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN KE-29  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**"Negaraku Brunei Darussalam"**

12 Rabiulakhir 1434 / 23 Februari 2013





*Logo  
Sambutan Ulang Tahun  
Hari Kebangsaan  
Negara Brunei Darussalam  
Melambangkan 29 Tahun Kemerdekaan*



Logo ini berbentuk bintang yang mempunyai 29 penjuru melambangkan 29 tahun kemerdekaan. Hujung sudut bintang di setiap bulatan menjangkau hujung sudut bintang dalam rangkaian empat bulatan menandakan penglibatan empat daerah. Setiap bulatan dalaman mempunyai empat warna berlainan menandakan empat daerah dan hujung sudut bintang dalam bulatan yang memancar keluar untuk bersaing dalam dunia luar.

pusat bulatan terletak Panji-panji Negara yang dikelilingi oleh bulatan berwarna hijau dan kuning. Warna hijau adalah sebagai lambang keislaman serta Negara Zikir dan kuning sebagai warna Diraja. Dua bulatan berkenaan melambangkan pautan masyarakat Brunei kepada Islam dan kedaulatan Raja.

keseluruhannya, logo ini melambangkan tema “Negaraku Brunei Darussalam” melalui simbolisme 29 penjuru bintang menandakan 29 tahun kemerdekaan, empat daerah yang bersatu padu sebagai Negara Zikir dengan kedaulatan kepada Raja sebagai paksi utama.

direka oleh Awang Keeran Dato Paduka Janin

# Pengertian Tema

Masyarakat atau kelompok sosial yang menduduki wilayah tertentu yang mempunyai sistem pemerintahan politik dan kedaulatannya sendiri untuk menentukan arah tujuan kebangsaannya;

Wilayah yang mempunyai sempadan geografi dan politik yang terletak di bawah kekuasaan kerajaan (pemerintah) tertentu: iaitu Negara Brunei Darussalam

Tema ini menekankan rasa kepunyaan rakyat terhadap negara di samping memperlihatkan sesuatu pengakuan bahawa Negara Brunei Darussalam adalah negara kita. Rasa kepunyaan terhadap negara merangkumi seluruh yang berhubungan dengan negara termasuklah pemimpinnya, kerajaannya, perlembagaannya, undang-undangnya, warisan budayanya, khazanahnya dan falsafahnya. Oleh itu, dengan pengakuan bahawa negara ini adalah negara kita, dan setiap milik negara ini kita rasakan milik kita juga, maka adalah menjadi tanggungjawab kita semua sebagai rakyat negara ini untuk:

- Mentaati raja
- Mengamalkan ajaran Islam sebagai cara hidup
- Memelihara warisan budaya bangsa
- Memelihara dan mempertahankan kedaulatan
- Menghormati perlembagaan
- Mematuhi undang-undang
- Memelihara kestabilan politik
- Meningkatkan kemajuan ekonomi
- Meningkatkan taraf sosial penduduk
- Menjaga maruah
- Menjaga imej
- Mengamalkan dan menghayati falsafah
- Menjaga keamanan dan kesejahteraan
- Mengekalkan kesepaduan dan keharmonian

Tema ini mengajak semua rakyat negara ini tanpa mengira umur, keturunan, pangkat, bangsa dan agama bagi sama-sama menunaikan tanggungjawab di atas agar negara ini akan sentiasa aman, sejahtera dan makmur serta kekal sebagai negara Melayu Islam Beraja.

Oleh sebab tanggungjawab di atas merupakan tanggungjawab berpanjangan maka dicadangkan agar tema ini dikekalkan saja secara berterusan sehinggalah tiba masanya difikirkan untuk ditukar dengan tema yang lain.



**KEMUNCAK** acara ialah lafaz ikrar Hari Kebangsaan dibacakan oleh wakil Kementerian Pendidikan, Awang Muhammad Ghani bin Awang Ahmad yang diikuti oleh laungan takbir ‘Allahu Akbar’ sebanyak tiga kali.

## Ikrar Hari Kebangsaan

Dengan bersyukur di atas limpah dan kurnia Allah Subhanahu Wata’ala  
yang mentakdirkan kami bernegara merdeka penuh berdaulat,  
iaitu Negara Brunei Darussalam maka kami berikrar akan:

Bersatu padu dan menumpukan taat setia di bawah pimpinan  
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan  
dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam;

Mempertahankan dan menjunjungnya dengan setia sebagai  
Negara Melayu Islam Beraja yang Merdeka, Berdaulat dan  
Demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran Agama Islam  
menurut Ahli Sunah Waljamaah sebagai cara hidup yang lengkap;

Berbakti dan rela berkorban pada mempertahankan maruah dan  
kedaulatannya serta memelihara keamanan dan keselamatannya;

Mendukung nilai-nilai akhlak yang sempurna, serta taat  
dan menjunjung keluhuruan undang-undangnya;

Bekerja dengan gigih, jujur lagi amanah  
pada meningkatkan kemajuan dan kemakmurannya  
yang diredayai oleh Allah.



*Rencana Khas Pelita Brunei  
Sempena  
Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-29*

## **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM :**

### **TANAH AIRKU INDAH PERMAI**

**Oleh: Azman Haji Abd. Rahim**

**Pegawai Penerangan Kanan**

**T**ELEFON di ruang tamu rumah kami tiba-tiba berdering dan apabila diangkat kedengaran suara dengan nada yang berlainan. Apabila diamati ternyata ianya panggilan dari luar negara dan suara itu bukan orang Melayu. Si pemanggil berbahasa Inggeris dengan mempunyai slang kecinaan. Ia memperkenalkan dirinya David (bukan nama sebenar) dan bertanya sama ada saya mengenalinya.

David mengimbas kembali kenangan beberapa tahun yang lalu di mana kami pernah bertemu dalam satu mesyuarat di luar negeri. Katanya, dia akan berkunjung ke Negara Brunei Darussalam bagi mewakili organisasi tempatnya bekerja dan berasa gembira kerana berpeluang untuk bertemu dengan saya kembali. Kedatangan David sememangnya saya nantikan bagi membalaq budinya melayan saya dengan mesra dan baik ketika berada di negaranya dulu.

David berasal dari salah sebuah negara dalam rantau ASEAN yang maju dan pesat membangun. Sesiapa yang pernah berkunjung ke sana pasti mengakui bahawa negara itu moden dan canggih. Walaupun saiznya tidak jauh berbeza dengan Negara Brunei Darussalam, suasana sekelilingnya mampu mencengkam perasaan dan pengunjungnya tidak akan mudah melupakan kenangan berada di negara itu.

Keadaan itu sedikit sebanyak mencetuskan kegusaran di sanubari. Persoalan yang timbul ialah mampukah layanan baik David semasa berada di negaranya akan dapat dibalas setimpal? Terus terang saya tidak pernah melayan mana-mana tetamu yang berasal dari negara yang sama dengan David? Walaupun sememangnya disedari bahawa negara tercinta Brunei Darussalam juga tidak kurang memiliki serba serbi kehebatan, rasa kurang senang dan yakin masih sahaja menghantui perasaan. Ke mana hendak membawa David, yang datang dari sebuah negara yang tidak lekang dari kebisingan dan kesibukan kota raya hingga larut malam, menjadi agenda utama pemikiran beberapa hari sebelum kedadangannya.

Mampukah David membiasakan dirinya dengan keadaan sunyi dan lengang pada malam hari di Bandar Seri Begawan? Umum mengetahui bahawa kedai-kedai atau pusat membeli belah di ibu negara tutup seawal 6.00 petang yang menjadikan keadaan sunyi dan tidak serancak di tempat-tempat lain yang paling tidak pun akan berakhir sekitar pukul 11.00 malam. Saya pasti David tidak akan mudah membiarkan dirinya terlepas peluang keemasan untuk bersiar-siar dan hanya duduk tidur di dalam bilik hotel penginapannya. Saya pasti dia berpendapat kehadirannya di Negara Brunei Darussalam, apatah lagi pertemuannya dengan saya selang beberapa tahun, tidak boleh dipersiakan kerana ianya mungkin berlaku sekali dalam kehidupan kami berdua sebagai sahabat, kawan, rakan dan kenalan. Mungkin juga lawatan ke Negara Brunei Darussalam adalah yang pertama dan terakhir dalam hidupnya.

Hari yang dinanti-nantikan itu pun tiba dan melalui perbincangan awal saya hanya akan menjemput David di hari-hari terakhir kehadirannya di Negara Brunei Darussalam iaitu setelah urusan rasminya berakhir. Seperti biasa dilakukan oleh kebanyakan tuan rumah, saya terlebih dulu membawa David pusing keliling di ibu negara sambil menjelaskan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan Bandar Seri Begawan dan bangunan-bangunan yang terdapat di dalamnya. Saya dapat lihat David seronok mendengarnya dan kagum dengan keindahan ibu negara lebih-lebih lagi Kampong Ayer yang merupakan salah satu khazanah dan warisan bangsa Brunei yang amat bererti sekali tentang asal usul negara Melayu Islam Beraja ini. Untuk menambah nilai kenangannya di sini, saya turut menempah perahu tambang untuk membawa David menyusuri Sungai Brunei. David tidak melepaskan peluang itu dengan mengambil gambar untuk dijadikan sebagai kenangan.

Hari pertama berakhir dengan baik dan saya amat berpuas hati. Bagaimana pula pada hari berikutnya?

Dalam hati sememangnya ada persoalan apakah David benar-benar berpuas hati dengan layanan yang saya berikan? Dalam fikiran yang bercelaru kadangkala timbul perasaan tidak baik yang membuat perbandingan antara Negara Brunei Darussalam dan negara asal David yang jelas berbeza dalam beberapa aspek tertentu.

Kami singgah ke Taman Persiaran Damuan, Jalan Tutong. Seperti biasa David mengambil beberapa gambar kenangan menarik termasuk Istana Nurul Iman yang dapat dilihat dari taman tersebut. Dia juga nampak berminat terhadap arca-arca ASEAN yang didirikan di sepanjang taman itu dan maklumat-maklumat yang disediakan mengenainya. Sekali sekala menderu perahu dan bot-bot tambang yang memecah kesunyian di Sungai Damuan. Juga kelihatan beberapa orang yang sedang melakukan riadah sama ada berjogging, berjalan-jalan dan berbasikal.

Persoalan samada David berasa gembira berada di Negara Brunei Darussalam terus bermain di kepala dan mendesak saya untuk mendapatkan jawapannya. Saya benar-benar ingin tahu apakah pendapatnya tentang negara tumpah darahku ini. Walau bagaimanapun David nampak selamba saja dan sekali sekala terlintas dalam fikiran saya tanggapan bahawa David kebosanan berada di sini.

Akhirnya saya memberanikan diri jua untuk bertanya kepadanya. Saya memulakan dengan kata-kata memohon maaf jika dia benar-benar bosan dan tidak seronok berada di Negara Brunei Darussalam. Dengan rendah hati saya terus terang mengatakan bahawa di sini tidak seperti di negaranya yang barangkali penuh dengan pelbagai hiburan serta kedai-kedai dan pusat-pusat membeli belah terus beroperasi hingga larut malam. Di sini pun tidak banyak pusat-pusat membeli belah gergasi atau ternama seperti di negaranya.

Alangkah terkejutnya saya apabila David tiba-tiba sudi memberikan pandangannya. Katanya, mengapakah saya berkata demikian sedangkan ia merasa seronok berada di Negara Brunei Darussalam dan berhasrat untuk datang ke sini lagi jika diberikan peluang pada masa akan datang. Dia menjelaskan ada sesuatu istimewa yang sukar dibayangkan dan diluahkan dengan kata-kata biasa mengenai Negara Brunei dan berhasrat untuk datang ke sini lagi jika diberi peluang pada masa akan datang. Dia menjelaskan ada sesuatu istimewa yang sukar dibayangkan dan diluahkan dengan kata-kata biasa mengenai Negara Brunei Darussalam. Sebenarnya dia tercari-cari perkataan yang sesuai dan akhirnya mampu menghuraikannya dengan kata ringkas, “Here I feel deep peace in my heart” (Di sini saya berasa amat aman dan damai sekali.)

Itulah ungkapan yang saya simpan hingga ke hari ini dan mungkin hingga ke akhir hayat. Memang sukar untuk menerima pandangan orang luar yang mengatakan negaraku Brunei Darussalam adalah sebuah negara yang benar-benar aman, damai dan permai. Kita yang berasal di sini tidak mudah menyedari tetapi orang luar dapat merasai nikmat damai yang mendalam di hati sanubari masing-masing yang berbeza dengan negara mereka sendiri yang sentiasa riuh rendah dengan bunyi kesibukan gerak geri manusia, kenderaan dan sebagainya. Adalah tidak dinafikan bahawa kesibukan sedemikian boleh menjadi satu gangguan kepada diri manusia yang dahagakan suasana sekeliling yang tenang dan tenteram. Dalam hal ini aku tidak menyangka sama sekali bahawa tanahairku tercinta Negara Brunei Darussalam memiliki keistimewaan itu dan mampu memberikan penawar kepada mereka yang berusaha mendapatkan ketenangan jiwa sepertimana yang dialami oleh David.

Tidak ada yang lebih menggembirakan apabila mendapati Negara Brunei Darussalam dilihat sebagai sebuah negara yang aman dan damai, khususnya pada pandangan orang asing. Malah perkataan Arab ‘Darussalam’ yang menggandingi Brunei itu sendiri bermakna ‘Rumah Yang Aman’ atau Syurga. Benarlah kata-kata orang bijak dan pandai bahawa keamanan dan kedamaian tidak dapat diukur atau dinilai dengan harta benda. Mungkin di luar sana banyak tempat mengecapi kemajuan

pesat dan canggih dari segi materialisme dengan terdirinya bangunan-bangunan megah dan tempat-tempat yang menghiburkan tetapi masih tidak mampu menjamin keamanan dan kedamaian di hati yang benar dan hakiki. Dalam hal ini, tidak menghairankan ada rakyat dan penduduk negara lain sanggup menghabiskan wang yang banyak setiap kali masa terluang untuk berkunjung ke negara-negara lain, dengan tidak mengira dimana, bentuk dan saiznya, asalkan mampu memberikan ketenangan dan kedamaian jiwa tidak kira dimana dan saiznya.

“... Ya Allah Ya Tuhan Kami, mohon jadikan Negara Brunei Darussalam penuh makmur dan kemajuan dan keselamatan, dan saksama keadilan, dan kebaikan dan berkat diantara rakyat sekalian dan kewahan dan kemenangan serta negeri-negeri Islam.

Ya Allah Ya Tuhan Kami, mohon selisihkan daripada kami dan daripada Sultan kami akan bala, wabak, penyakit-penyakit dan sengsara-sengsara, dan mohon Ya Allah Ya Tuhan Kami hilangkan dari pada Kami dan daripada Sultan kami akan segala syak wasangka dan segala keraguan dan was-was. Dengan limpah kurnia Tuhan kami, wahai Tuhan kami yang empunya sifat-sifat kebesaran dan kemuliaan....”

Petikan

‘Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam’

## **PERKEMBANGAN KESIHATAN LAMBANG**

### **PEMBANGUNAN NEGARA**

**Oleh: Hajah Hamsah Datu Kerna Haji Jaya**

**Pegawai Penerangan**

**K**esihatan adalah anugerah Allah Subahanahu Wa'tala yang amat tinggi nilainya kepada semua insan yang bernyawa kerana dengan badan yang sihat kita boleh menikmati kesejahteraan dan dapat menyumbang kepada pembangunan negara. Oleh itu kita harus mensyukuri, memelihara dan menjaga kesihatan kita dengan sebaik mungkin. Bagi sesebuah negara, kesihatan adalah aset yang terpenting yang membolehkan rakyat dan penduduknya membangun dan maju, bak kata ‘Rakyat Sihat Negara Maju’. Sumbangan kesihatan terhadap pembangunan, kesejahteraan dan kemakmuran negara adalah sangat signifikan. Jika kita ditimpa penyakit, wang ringgit tidak akan semudahnya dapat menebus kesihatan kita. Dari itu menjaga kesihatan adalah menjadi tanggungjawab setiap anggota masyarakat di negara ini.

Ke arah mencapai kehidupan yang sihat dan bagi memantapkan lagi kesihatan penduduk di negara ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan telah berusaha menyediakan program-program penjagaan kesihatan yang komprehensif, bertaraf tinggi dan kos efektif dengan memberi penekanan kepada aspek-aspek pencegahan, promosi kesihatan, perawatan dan penyembuhan. Disamping kerajaan, pihak swasta juga telah ikut serta dalam menyediakan perkhidmatan perubatan dan kesihatan untuk rakyat dan penduduk di negara ini.

Perkembangan kesihatan sejak Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan pada tahun 1984 hingga ke hari ini adalah hasil dari kemajuan dalam bidang sosio-ekonomi, pendidikan, ugama dan infrastruktur yang semuanya sama-sama menyumbang kepada meningkatnya kualiti kehidupan rakyat dan penduduk di Negara ini.

Negara Brunei Darussalam telah mencatat satu lembaran sejarah perkembangan perkhidmatan perubatan dan kesihatan di arena antarabangsa dalam pencapaian kesihatan bila mana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dianugerahkan Pingat Emas Presiden dari The Royal College of Surgeon, Edinburgh, Scotland pada 30 Jun 2000. Penganugerahan ini adalah merupakan pengiktirafan ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas sumbangan kerajaan Baginda terhadap perkembangan kesihatan di Negara Brunei Darussalam. Penganugerahan ini sangat besar ertiannya kepada negara dan ini menandakan Baginda adalah seorang pemimpin yang sentiasa perihatin dan komited terhadap penjagaan kesihatan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

#### **Pencapaian dan Perkembangan Kesihatan Sejak Mencapai Kemerdekaan**

Alhamdulillah status kesihatan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam adalah meningkat sejak lebih dari 20 tahun yang lalu, dan ianya adalah tinggi dan setanding dengan negara-

negara yang telah membangun di rantau ini. Negara Brunei Darussalam telah mencapai hampir kesemua Petunjuk-petunjuk Kesihatan Sejagat yang ditetapkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia(WHO) dan Matlamat Pembangunan Milenium Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Kadar kematian anak damit telah menurun daripada 12.8 bagi setiap 1,000 kelahiran hidup pada tahun 1984 kepada 8.3 pada tahun 2011, manakala kadar kematian kanak-kanak di bawah umur 5 tahun adalah juga menurun kepada 10.0 bagi setiap 1,000 kelahiran, berbanding dengan 16.0 pada tahun 1984. Jangka hayat bagi lelaki pada tahun 1984 adalah 69.7 tahun dan pada tahun 2011 ialah 78.5tahun, manakala bagi perempuan jangka hayat telah meningkat kepada 79.3 tahun pada tahun 2011.

Kadar kematian sejak lebih dari 30 tahun kebelakangan menunjukkan penyakit-penyakit berjangkit seperti tibi dan pneumonia bukan lagi menjadi punca utama kematian di Negara ini, akan tetapi penyakit kronik seperti kanser, penyakit-penyakit jantung, kencing manis dan penyakit serebrovaskular adalah merupakan penyebab kepada 50% jumlah kematian yang dilaporkan pada tahun 2011. Semua penyakit-penyakit tersebut mencerminkan taraf kehidupan dan cara hidup moden penduduk di Negara ini.

Perkembangan pesat dari segi perkhidmatan kesihatan yang komprehensif dan perubatan yang moden telah dapat meningkatkan tahap kesihatan rakyat dan penduduk di Negara Negara Brunei Darussalam. Secara menyeluruh kejadian penyakit-penyakit berjangkit yang utama di Negara ini telah dapat dikawal dan dikurangkan pada tahap yang rendah.Penyakit-penyakit berjangkit yang dapat dicegah melalui imunisasitelah dapat dikawal disebabkan liputan imunisasi yang tinggi bagi mencegah penyakit tibi, kerongkong, batuk kokol, kencing gigi, polio, campak, rubella dan hepatitis B.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd Yusof, ketika berucap di Majlis Sambutan Minggu Vaksinasi Sedunia 2012antara lain menyatakan:

Negara Brunei Darussalam telah memulakan Program Imunisasi Kebangsaan Kanak-Kanak dalam tahun 1950an dengan pengenalan vaksin yang hanya dapat melindungi dari tiga penyakit berjangkit.Namun semenjak itu, program ini diperkembangmajukan lagi sehingga sekarang di mana vaksin-vaksin yang ada dapat melindungi daripada sepuluh jenis penyakit berjangkit di kalangan kanak-kanak dan suntikan imunisasi ini diberikan secara percuma di Negara ini.

Dalam tempoh satu dekad ini, Negara Brunei Darussalam telah Berjaya mencapai dan mengekalkan kadar liputan imunisasi secara universal yang sangat tinggi sehingga kadar liputan imunisasi bagi penyakit-penyakit tuberculosis (tibi), diphtheria, tetanus, whooping cough (batuk kokol), polio, hepatitis B, campak dan rubella telah melebihi 90 peratus di kalangan kanak-kanak.

Kadar yang tinggi ini adalah antara faktor yang menyumbang kepada kejayaan dalam mengekalkan pencapaian Matlamat Pembangunan Milenium dalam kesihatan iaitu pengurangan kadar kematian kanak-kanak di bawah umur lima tahun. Program imunisasi ini tidak terhad kepada kanak-kanak malahan juga meliputi golongan ibu-ibu mengandung.

Negara Brunei Darussalam pada masa ini telah bebas dari hampir kesemua penyakit-penyakit berjangkit yang utama di kalangan kanak-kanak. Negara Brunei Darussalam telah diisyiharkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bebas dari penyakit malaria pada tahun 1987, dan bebas dari penyakit polio pada tahun 2000. Pertubuhan Kesihatan Sedunia juga turut mengikteraf pencapaian Negara Brunei Darussalam dalam pengawasan kes-kes penyakit tetanus di kalangan ibu-ibu yang mana sehingga kini tidak ada kes-kes kematian ibu selepas melahirkan anak yang disebabkan penyakit tetanus (Maternal and Neonatal Tetanus)

Pertubuhan Kesihatan Sedunia menempatkan Negara Brunei Darussalam di tangga ke-40 dari segi pencapaian kesihatan dibandingkan dengan 191 negara-negara di dunia, ke-4 di Rantau Pasifik Barat dan ke-2 di rantau ASEAN. Menurut ‘UNDP Human Development Report 2004’, Negara Brunei Darussalam telah berjaya menepati tiga petunjuk-petunjuk kesihatan yang ditetapkan oleh Matlamat Pembangunan Milenium Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Ini telah menempatkan Negara Brunei Darussalam di tangga ke-33 dari 177 buah Negara.

### **Perkembangan Infrastruktur dan Perkhidmatan**

Pencapaian lain dari segi kesihatan termasuklah pembangunan infraskruter kesihatan dimana perkhidmatan-perkhidmatan perubatan dan kesihatan disalurkan kepada rakyat dan penduduk di Negara ini.

Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) adalah hospital utama yang terbesar di negara ini. Sejak ianya dibuka rasmi pada tahun 1984 ianya telah mengalami perkembangan yang pesat dengan pengubahsuaian dan diikuti dengan bertambahnya perkhidmatan yang baru dan peralatan yang canggih dan moden serta pegawai dan kakitangan yang berkemahiran dan profesional. Penggunaan peralatan perubatan yang berteknologi canggih bagi pengesanan, pemeriksaan dan pengawasan penyakit-penyakit juga telah mula digunakan dengan meluas di hospital ini.

Hospital RIPAS telah memperkembangkan kemudahan dan infrastruktur perkhidmatan perubatan dengan menyediakan beberapa peralatan yang canggih yang mana telah dapat meningkatkan keupayaan diagnostik dan rawatan. Diantara peralatan-peralatan tersebut ialah *CT Scan (Computerised Tomographic Scanning)*, Sistem *Vascular Imaging* dan *Angiography Digital Subtraction*, *Mamografi* dan *Spiral CT (Spiral Computerised Tomography)*. Sementara itu prosidur-prosidur yang berupaya untuk mengurangkan kesakitan dan mempercepatkan tempuh penyembuhan pesakit telah diberikan di hospital ini, seperti prosidur Lithotripsi, Laparoskopi dan ‘*Endometrial ablation*’. Dalam memastikan perkhidmatan perubatan yang berkualiti dan professional, Hospital RIPAS sebagai hospital rujukan telah memperkembangkan beberapa perkhidmatan pakar seperti Unit HaematoOngkologi, Unit Otorinolaringologi, Unit Kardiologi dan Pusat Diabetik, Unit Reumatologi, Unit Buah Pinggang, Unit Ortopedik, Unit Pembedahan ‘*Neuro*’, Unit Maxillofacial dan Pembadahan Plastik, Unit Oftamologi, Unit Psikiatri dan Unit Dermatologi. Selain itu Unit Rawatan Rapi, Unit Rawatan Rapi Pembedahan dan Unit Rawatan Jantung Koronari juga disediakan. Hingga ke hari ini Hospital RIPAS terus berkembang dengan pesat dari segi infrastruktur dan perkhidmatan.

Hospital Suri Seri Begawan Kuala Belait (SSB) adalah hospital kedua terbesar. Hospital ini juga telah menjalani pengubahsuaian mengikut perkembangan semasa dan dalam memenuhi kehendak penduduk yang tinggal di Daerah Belait. Hospital SSB juga memberikan perkhidmatan kepakaran yang antara lain termasuk paediarik, perbidanan dan sakit puan, mata, telingga, hidung dan kerongkong.

Hospital baru di Daerah Tutong telah dibuka rasmi oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah pada 11 Ogos 1998. Hospital ini mempunyai 138 buah katil dan dilengkapi dengan peralatan perubatan yang moden dan cangih. Di antara perkhidmatan komprehensif yang diberikan di hospital ini termasuk kemalangan dan kecemasan, paediatric, perbidanan dan sakit puan, mata, telingga, hidung dan kerongkong, pembedahan, kesejahteraan jiwa, pemulihan anggota, pemulihan cara kerja, pergigian, farmasi dan wad-wad.

Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam memberikan perkhidmatan perubatan bagi penduduk di Daerah Temburong. Hospital ini mempunyai 50 buah katil dan antara lain memberikan perkhidmatan pesakit luar, kemalangan dan kecemasan, perbidanan dan sakit puan, farmasi, pemulihan anggota, pemulihan cara kerja dan wad-wad.

Penjagaan kesihatan asasi juga diberikan di pusat-pusat kesihatan dan klinik-klinik bagi meliputi semua penduduk bandar dan luar bandar, terutama sekali bagi penjagaan kesihatan ibu-ibu mengandung dan kanak-kanak, perkhidmatan pesakit luar, perkhidmatan kesihatan sekolah, perkhidmatan permakanan masyarakat dan perkhidmatan psikologi. Perkhidmatan ibu-ibu dan kanak-kanak memberikan penjagaan sebelum bersalin, selepas bersalin, penjagaan kesihatan kanak termasuk program imunisasi bagi mencegah penyakit-penyakit berjangkit, pendidikan kesihatan, rawatan penyakit ringan, perbidanan di rumah dan lawatan ke rumah.

Perkhidmatan kesihatan sekolah memberikan perkhidmatan kesihatan yang komprehensif kepada semua murid-murid sekolah di seluruh Negara. Aktiviti-aktiviti yang dikendalikan termasuk perkhidmatan perubatan, imunisasi, rawatan perubatan dan pendidikan kesihatan.

Perkhidmatan Perubatan Udara juga diberikan kepada penduduk yang tingal di kawasan pedalaman, yang mana ianya tidak boleh dikunjungi samada melalui air atau darat.

Pusat Pergigian Negara telah ditubuhkan pada tahun 2001 di mana perkhidmatan pergigian yang diberikan dihospital dipindahkan di Pusat ini. Selain dari memberikan perkhidmatan pergigian bagi kanak-kanak dan dewasa, pusat ini juga memberikan perkhidmatan kepakaran ortodontik dan mempunyai makmal pergigian dan Unit Kesihatan Oral.

Dalam usaha untuk mengembangluaskan dan mempertingkatkan penjagaan kesihatan asasi di Negara ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Kementerian Kesihatan telah melaksanakan projek ‘Decentralisation’ perkhidmatan pesakit luar, di mana ianya menjadikan perkhidmatan ini mudah diperolehi dan dikunjungi oleh masyarakat.

Mulai 1 Jun 2000 perkhidmatan pesakit luar di Hospital RIPAS telah dipindahkan ketujuh buah pusat-pusat kesihatan di Daerah Brunei dan Muara. Projek ‘Decentralisation’ ini telah dilaratkan ke daerah-daerah

Tutong dan Belait pada Oktober 2002 bagi memberikan perkhidmatan penjagaan kesihatan asasi yang lebih komprehensif dan mudah dikunjungi dan diperolehi oleh penduduk-penduduk di daerah berkenaan.

Disamping perkembangan infrastruktur dan perkhidmatan, tenaga kerja kesihatan juga turut berkembang dengan bertambahnya jumlah doktor-doktor dan pakar-pakar tempatan yang terlatih dan berkemahiran di berbagai bidang perubatan dan kesihatan.

### **Menuju Ke Arah Warga Sihat**

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan dari masa kesemasa giat melaksanakan beberapa aktiviti-aktiviti dan program-program kesihatan dalam usaha ke arah menjadikan rakyat dan penduduk di negara ini sihat dan terhindar dari gejala-gejala penyakit yang berhubungkait dengan cara hidup.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan mengepalai Walkaton Kesihatan dan Kecergasan Kementerian-Kementerian yang telah diadakan buat kali pertama pada bulan Mac 2002 di Stadium Negara Hassanal Bolkiah. Ini menunjukkan keperihatinan baginda sebagai seorang pemimpin dalam meningkatkan kesedaran rakyat dan penduduk khususnya pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan mengenai kepentingan mengamalkan kegiatan fizikal demi untuk meningkatkan tahap kesihatan. Ini selaras dengan titah Baginda di Majlis Sambutan 100 Tahun Perkhidmatan Kesihatan dan Pelancaran Konvensyen Kesihatan 2007 yang mana Baginda antara lain bertitah:

*“Disamping menyediakan dan memberikan rawatan-rawatan yang sewajarnya, ianya juga tidak boleh berhenti dari membimbing masyarakat, supaya berterusan memelihara kesihatan dengan amalan-amalan gaya hidup sihat, baik dalam pemakanan, pergerakkan atau riadah dan juga mewujudkan persekitaran yang bersih.”*

Selain dari itu, kempen-kempen, jerayawara-jerayawara dan pameran-pameran kesihatan ke arah menanamkan kesedaran amalan cara hidup sihat giat dijalankan. Antara kempen-kempen yang dilaksanakan ialah kempen permakanan sihat, kempen anti merokok, kempen kebersihan alam sekitar, kempen penyusuan susu ibu, kempen menderma darah dan kempen pencegahan AIDS. Disamping itu, aktiviti-aktiviti sempena Hari Kesihatan Sedunia yang ditetapkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia juga diadakan pada setiap tahun dengan tema-tema yang berlainan yang bertujuan untuk melibatkan masyarakat ke arah mempromosi cara hidup sihat.

Dalam usaha untuk memperkuuhkan dan mempertingkatkan status kesihatan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam melalui promosi kesihatan dan amalan cara hidup sihat, kerajaan telah membina bangunan Pusat Promosi Kesihatan yang terletak di Commonwealth Drive, Jalan Menteri Besar. Bagi masyarakat yang memerlukan bantuan perkhidmatan ke arah mencapai kehidupan yang lebih sihat tanpa

merokok dan menurunkan berat badan, program-program kesihatan diberikan di Klinik Berhenti Merokok dan Klinik Badan Sihat .

Dengan pencapaian-pencapaian dan perkembangan kesihatan yang kita nikmati di negara ini akan memberi jaminan kepada kita semua untuk kehidupan yang lebih sihat di tahun mendatang dan dapat menyumbang ke arah pembangunan dan kemajuan negara yang kita cintai selaras dengan Wawasan Negara 2035.

**MASYARAKAT AKTIF**  
**TONJOLKAN SUKAN YANG MAPAN**  
**Oleh : Noriah Haji Abd. Hamid**  
**Pegawai Penerangan**

**K**esihatan merupakan pelaburan penting negara seperti yang terdapat di dalam RKN 2007-2012 apabila kerajaan telah memperuntukkan sejumlah BND149 juta daripada jumlah peruntukan kemajuan yang disediakan untuk membaiayai pelaksanaan 20 program kesihatan menjelang tahun 2035 bagi mencapai hasrat untuk menjadikan negara ini dikenali di seluruh dunia dengan kehidupan rakyatnya yang mempunyai tahap kesihatan berkualiti tinggi di kalangan sepuluh negara teratas dunia.

Justeru itu pelbagai infrastruktur, prasarana dan kemudahan sukan termasuk taman-taman riadah, kompleks-kompleks sukan telah dibina bagi membantu usaha dalam mengamalkan cara hidup sihat.

Kementerian Kesihatan melalui Strategi Kesihatan Visi 2035 ‘ Bersama Ke Arah Warga Sihat ‘ memperkenalkan lima elemen utama strategi baru iaitu Sistem Penjagaan Kesihatan yang komprehensif dan menekankan kecemerlangan perkhidmatan, warga yang mengamalkan dan membudayakan cara hidup sihat, kedayatahanan melalui penggunaan sumber yang optima, inovasi dan kecemerlangan, peraturan dan dasar yang efektif bagi memastikan perlindungan untuk semua dan sistem peraturan dan pentadbiran yang telus dan proaktif.

Semua program-program kesihatan ini telah dilaratkan ke mukim dan kampung dengan menjadikan institusi penghulu dan ketua kampung melalui Majlis Perundingan Mukim dan Kampung sebagai platform untuk melaksanakan aktiviti Program Mukim Sihat yang antara lain diharatkannya untuk meningkatkan kesedaran mengenai peri mustahaknya mengamalkan cara hidup yang sihat sebagai usaha meningkatkan kualiti kehidupan di negara ini.

Komitmen dan sokongan padu agensi-agensi kerajaan dan semua lapisan masyarakat di negara ini berlandaskan pengiktirafan persepsi bahawa kesihatan sebagai faktor penting dalam proses pembangunan masyarakat aktif adalah faktor penting bukan sahaja kepada perubahan sosioekonomi malahan menyumbang kepada menonjolkan sukan mapan.

Penyediaan Garispandu Kebangsaan Kegiatan Fizikal bagi Negara Brunei Darussalam yang telah disediakan oleh Kementerian Kesihatan mengandungi saranan yang komprehensif tentang amalan kegiatan fizikal untuk pelbagai kategori peringkat umur termasuk mereka yang menghidap penyakit kronik perlulah dimanfaatkan oleh semua lapisan masyarakat di negara ini kearah menuju masyarakat aktif.

Ini selaras dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah baginda sempena Hari Keputeraan Ke-62, “*Kesihatan sungguh berharga dalam hidup. Ia mesti dibina dan dijaga. Di antara cara membina dan menjaga kesihatan itu ialah melalui pengawalan pemakanan dan melazimkan aktiviti-aktiviti bersenam.*”

**Warga Perkhidmatan Awam**

Kementerian Kesihatan ke arah mempromosi kesihatan di kalangan warga Perkhidmatan Awam di samping menanamkan kesedaran tentang kepentingan aspek penjagaan kesihatan

dan keselamatan di tempat kerja juga telah mengambil langkah pro-aktif dengan mengadakan Simposium Tempat Kerja Sihat Perkhidmatan Awam 2010. Ini juga merupakan salah satu elemen yang menyumbang kepada masyarakat aktif dan secara tidak langsung masing-masing akan dapat melaraskan kepada ahli keluarga dan masyarakat amnya lebih-lebih lagi pada masa ini peningkatan trend semasa penyakit kronik di negara ini seperti penyakit jantung, kanser dan diabetes adalah berkait rapat dengan cara hidup yang kurang sihat. Menurut statistik kementerian berkenaan pada tahun 2008, hampir 50 peratus kematian di negara ini adalah berpunca daripada tiga jenis penyakit kronik tersebut yang mana natijahnya akan memberikan kesan yang besar dan beban kepada negara.

Program-program ke arah warga sihat tersebut sedikit sebanyak telah menyumbang kepada peningkatan mutu kesihatan masyarakat di negara ini dan menjadikan mereka bergerak aktif dalam pelbagai bidang sukan.

### Riadah dan Aktiviti Sukan

Peningkatan kualiti hidup rakyat merupakan antara ciri sesebuah negara yang menuju ke arah kemajuan dan pembangunan yang mapan. Kemajuan dan pembangunan sesebuah negara tidak bererti sekiranya kualiti hidup rakyat masih di tahap yang rendah.

Kualiti hidup biasanya bukan sahaja dikaitkan dengan penyediaan infrastruktur sosial dan fizikal oleh kerajaan malahan juga mencakupi kepada peningkatan indeks di tahap yang optimum bagi meningkatkan kualiti hidup di negara ini dan seterusnya mencapai aspirasi negara ke arah Wawasan 2020. Masyarakat aktif atau juga sinonim kepada membudayakan masyarakat ke arah mempertingkatkan kemampuan dan berdaya.

Semenjak beberapa tahun yang lalu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telahpun menyediakan peruntukan yang bersesuaian untuk membina kemudahan-kemudahan riadah dan bersukan melalui Kementerian Pendidikan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Pembangunan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah baginda sempena Hari Keputeraan Baginda Ke-66 yang antara lain telah menitahkan, “Untuk sihat, kita memerlukan disiplin gaya hidup sihat dan pemakanan sihat. Di antara gaya hidup sihat itu, ialah rajin beriadah.”

Ke arah ini Kementerian Pendidikan telah membuat banyak pelaburan bagi menyediakan prasarana sukan di sekolah-sekolah bagi membudayakan bersukan sebagai aktiviti ko-kurikulum sekolah. Ini termasuklah memperkenalkan aktiviti serta memupuk minat bersukan khususnya di kalangan anak-anak bermula dari bangku sekolah sebagai amalan cara hidup yang sihat dan pembentukan disiplin di peringkat awal lagi yang secara tidak langsung dapat membantu mengurangkan kadar peningkatan obesiti di kalangan kanak-kanak dan belia untuk menjadikan mereka puruh bangsa yang sihat, cergas dan aktif.

Terbinanya Sekolah Sukan pertama di negara ini dengan menyediakan tenaga pengajar khusus dalam beberapa bidang sukan seperti pencak silat, golf, badminton, olahraga dan sebagainya adalah antara lain tujuannya untuk melatih dan menjadikan atlet-atlet muda yang berpotensi sebagai generasi yang aktif, berdaya saing dan akan mengharumkan nama Negara Brunei Darussalam di persada dunia melalui sukan mapan yang mereka sertai.

Di samping itu, sebagai rangsangan kepada menonjolkansukan mapan, Kementerian

Kebudayaan, Belia dan Sukan telah merangka pelbagai program sukan dengan memberikan perhatian yang serius kepada pelbagai bidang sukan tertentu.

Penganjuran “ 2012 Brunei Sports Convention and Expo ” yang julung-julung kalinya di adakan antara lain bertujuan sebagai satu langkah ke hadapan kearah perkembangan potensi dan manfaat sukan tanah air melalui perkongsian pengalaman serta pengetahuan setiap ‘stakeholder’ dalam isu-isu yang berkaitan.

Penubuhan Komuniti ASEAN menjelang 2015 yang telah disepakati secara dasarnya oleh kerajaan-kerajaan ASEAN bagi meraih kemanfaatannya dengan penyediaan perancangan sebuah pelan untuk mengembangmajukan ‘ Industri Sukan dalam ASEAN ’ yang mana Negara Brunei Darussalam juga tidak ketinggalan akan meraih sama manfaat daripadanya melalui pasaran terbuka bagi laluan transaksi rentas sempadan yang lebih luas seperti penajaan, penghijrahan atlet, perlesenan, penjualan, pelancongan sukan, perubatan sukan, pengurusan venue dan acara serta pentadbiran sukan dan sebagainya. Kemahiran, kecekapan dan kesihatan fizikal dan mental semua anggota masyarakat adalah sangat penting ke arah ini.

Dengan mempunyai masyarakat yang aktif pasti akan berupaya untuk menonjolkan sukan yang mapan. Kesan positif yang paling ketara dapat kita lihat ialah peningkatan pencapaian atlet-atlet negara yang berjaya mengharumkan nama di dalam dan di arena antarabangsa seperti pelari pecut negara Dayang Maziah binti Mahusin dan Awangku Hafiy Tajudin bin Pengiran Rositi serta ahli renang Awang Anderson Lim Chee Wei yang telah mewakili Negara ke Temasya Sukan Olimpik London 2012.

Kejohanan Hassanal Bolkiah Trophy Belia di Bawah 21 Tahun di mana pada tahun 2012 telah mengukir kegembilangan Negara di arena bola sepak bila mana pasukan Negara Brunei Darussalam telah Berjaya menjadi juara Tropi Hassanal Bolkiah buat julong kalinya.

Kedatangan pelancong asing semakin meningkat ke negara kita. Melalui penganjuran sukan bertaraf dunia, industri pelancongan sukan di negara kita akan mengalami kemajuan. Hal ini sekali gus mampu menjana ekonomi negara dan juga memperkenalkan Negara Brunei Darussalam di persada dunia. Sebagai contohnya, penganjuran kejohanan sukan antarabangsa seperti Brunei Butra Heidelberg Cement Tour dan Royal Golf Trophy yang disertai oleh jaguh-jaguh sukan basikal dan golf yang bertarap dunia dan baru-baru ini Regatta Brunei 2013. Hal ini bukan saja menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara yang mapan tetapi merupakan petunjuk bahawa masyarakat yang aktif berupaya menonjolkan sukan mapan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Konklusinya, masyarakat yang cergas, sihat fizikal dan mentalnya akan melahirkan masyarakat yang aktif dan menjadi tunjang kepada kemapanan sukan negara sekaligus berkeupayaan untuk meraih kejayaan dalam bidang sukan, malahan juga berkemampuan untuk menganjurkan sukan yang berprestij di samping kerjasama daripada semua pihak amat diperlukan bagi mengangkat martabat sukan di Negara Brunei Darussalam.

**PURIH PENDIDIKAN**  
**KEBANGSAAN NEGARA**  
**Oleh : Ali Termizzi Haji Ramli**  
**Pegawai Penerangan**

## **Pengenalan**

**N**egara Brunei Darussalam mempunyai bentuk pendidikan yang berkembang maju mengikut peredaran zaman. Jati diri bangsa masih terpahat di dalam sistem pendidikan yang dibentuk dengan elemen-elemen modenisasi dan pengaruh keunggulan Islam itu sendiri. Tersemailah rakyat yang pendidikan beracuankan kepada rasa tanggungjawab kepada negara, bangsa dan rasa kasih kepada Raja yang dikasihi.

Rakyat yang berpendidikan akan meningkatkan kekuatan dan semangat patriotik terhadap negara malah akan menunjukkan rasa tidak puas akan memajukan negara dan ingin mencapai matlamat yang diinginkan dengan sedaya upaya akan dapat dilaksanakan walaupun sumbangan yang kecil juga turut memberikan impak yang besar jika ia dibuat berulang-ulang.

Sebagai sebuah negara yang sedang membangun dan menuju kedudukan yang terbaik dilingkungan rakyat yang berpendidikan, akan terus berusaha memastikan sistem pendidikan yang diaplikasikan akan mendapatkan pulangan yang besar terhadap pelaburan yang akan mendatang lebih-lebih lagi rakyat yang berpendidikan dengan mempunyai pelbagai kemahiran, kepakaran dan pengalaman yang boleh membantu negara dari pelbagai sudut pekerjaan dan kemanfaatan untuk membangun negara yang tercinta ini.

Sumbangan terhadap negara walaupun kecil seumpama mengibarkan bendera negara diketika hampir hari-hari kebangsaan juga cukup memberikan manfaat yang seadanya. Ini adalah sebagai tanda yang kita sudah mula bangun dengan ilmu didada dengan pendidikan yang sudah ditanam di dalam sanubari meningkatkan patriotik kepada kecintaan kita terhadap negara. Ilmu yang sudah tersemai akan tetap bekerja sebagai agen memajukan diri, menginsafkan diri, menanamkan perasaan rasa kekitaan dan tidak berpaling tадah akan melaksanakan kewajipan diri sebagai rakyat yang bernaung di bumi Darussalam.

Sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja yang dikenali setiap penjuru dunia akan terus berusaha memartabatkan konsep MIB sebagai asas perpaduan bangsa dan negara, sumber pendidikan yang diaplikasikan disetiap diri bangsa yang bernaung di negara ini akan berusaha menjalankan tugas masing-masing bersandarkan kepada jati diri individu-individu yang mengenal erti bernegara, beraja dan mengekalkan keharmonian setelah kemerdekaan dicapai.

Purih bangsa yang tersemai di bumi bangsa Brunei telah dihiasi dengan pendidikan yang terbaik mengikut calak keBruneian itu sendiri. Calak berkonsepkan MIB penuh ditekankan dengan selengkap-lengkapnya, ilmu yang dipelajari dan diamalkan diserapkan sebagai penyampai yang memberi dan menerima ilmu pengetahuan agar rakyat dan penduduk di negara ini dapat melaksanakan kewajipan mereka sebagai seorang individu yang cekal dan beramanah dalam menjalankan tugas sebagai bangsa yang bermaruah.

Tanamkanlah perasaan kasih dan sayang kepada negara yang kita duduk bernaung dibawah pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan dengan kebijaksanaan Baginda memerintah dengan adil dan saksama akan terus menuju kegemilangan dan kecemerlangan dalam pelbagai segi perspektif. Keutamaan terhadap jati diri bangsa yang cinta pada negara akan menampakkan nilai patriotik yang tinggi dan akan tertanam pada setiap warga dan penduduk di negara ini serta tidak akan lupa.

Sempena dengan Hari Kebangsaan yang ke-29 tahun ini, segala kemudahan pendidikan telah disajikan sudah dapat dirasakan dalam pada penyempurnaan dari segi sifat, tingkah laku, cara bercakap, menyampaikan amanah dan sebagainya dijiwa anak-anak belia kita. Mereka sudah cukup memiliki daya ketrampilan yang dikehendaki oleh negara dan bangsa yang ingin maju dengan adanya aset-aset bernilai seperti belia-belia yang berpendidikan dan berilmu pengetahuan.

Bagi menuju kecemerlangan dalam purih bangsa yang disemai dengan pendidikan yang berdasarkan kepada sistem pendidikan yang terbaik dan diselitkan kepada perasaan jati bangsa yang berkONSEPAN MIB akan dapat dipupuk disetiap diri individu yang mengenal erti kemerdekaan. Sebagai anak bangsa yang sudah berdiri di zaman kemerdekaan ini juga akan dapat memandu arah tuju negara yang lebih cemerlang dan gemilang tanpa melupakan jerih payah anak-anak bangsa Brunei sebelum zaman kemerdekaan.

Tanamkanlah di dalam diri rasa kasih sayang kepada negara, bangsa dan raja. Tanamkanlah sifat patriotik kepada negara. Sebagai purih bangsa yang berpendidikan.

Sebagaimana dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa bertitah di Sambutan Perayaan Hari Keputeraan baginda ke-48 tahun bagi Daerah Temburong pada 21 Julai 1994. Antara lain baginda bertitah:

*“Nilai-nilai Brunei itu antara lain ialah taat kepada raja, bersopan santun, patuh kepada undang-undang dan peraturan khasnya peraturan syarak yang menentukan di mana batas dan sempadan dalam pergaulan dengan masyarakat, sambil mengawal tingkah laku dan perkataan, dalam makna mengawal kehormatan siapa-siapa yang dihormati secara yang layak.”*

Oleh kerana itu sebagai purih pendidikan yang berlandaskan kebangsaan negara perlulah menanamkan nilai-nilai keBruneian yang sebenar-benarnya agar keutuhan bernegara akan dapat disemai dan dijadikan amalan sehingga kemercu kegemilangan bernegara.

## **TERIMA KASIH NEGARAKU**

## **BRUNEI DARUSSALAM**

**Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail**

**Pegawai Penerangan**

**T**idak ada yang lebih membanggakan selain menjadi rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam, negara yang diakui kerana keramahan rakyatnya, kekayaan alam dan budayanya dan yang paling penting lagi dengan falsafah Melayu Islam Beraja yang menjadi sukat-sukat hidup bernegara.

Bangga dan cinta terhadap tanah air adalah suatu perasaan megah dan berbesar hati serta kasih sayang dan suatu rasa cinta terhadap tempat kelahiran atau tanah air. Rasa cinta tanah air seharusnya kita terapkan dalam lingkungan keluarga, sekolah, tempat tinggal kita, bahkan di manapun kita berada. Salah satu cara bagi menterjemahkan cinta kepada tanah air itu adalah berusaha mendaulatkan negara itu sendiri, mendaulatkan bukan sahaja semata-mata mempertahankan negara semasa dalam berperang, tetapi mengangkat imej dan martabat negara di peringkat nasional dan juga antarabangsa.

Kita amalkan sikap dan tingkah laku berjimat, berdisiplin dan bertanggung jawab dalam mewujudkan kekuuhan dan kebersamaan agar tercapai kebahagiaan, di sekolah, mewujudkan rasa berpersatuan sejak alam remaja lagi dan cinta tanah air dapat kita wujudkan melalui kegiatan-kegiatan sosial, kegiatan-kegiatan mahasiswa yang bersifat positif, dan lain-lain lagi.

Contohnya Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), Belia Cinta Tanah Air (BCTA), Konvoi kenali Negara Kita (KKNK) adalah antara persatuan yang mengangkat imej negara sebagai sebuah negara yang mempunyai belia dan rakyat yang cergas dan aktif.

Begitu juga dengan beberapa kegiatan seperti kempen penghijauan, kebersihan, karya seni dan lain-lain lagi. Semangat berpersatuan dalam lingkungan masyarakat seperti melalui kegiatan-kegiatan membuat kerja-kerja amal juga diungkayahkan. Sebagai generasi penerus bangsa hendaknya kita dapat mewujudkan sikap dan tingkah laku yang bermanfaat bagi kepentingan masyarakat dengan menjauhi sikap yang boleh merugikan diri sendiri atau merugikan masyarakat, misalnya dengan cara menjauhkan diri dari pengaruh dan penyalahgunaan dadah, ubat-ubatan terlarang, minuman-minuman keras, dan perkelahian kerana perkara seperti ini dapat menghancurkan masa depan bangsa dan negara.

### **Mencintai Budaya**

Mencintai Budaya Brunei, budaya yang begitu unik dan menjadi warisan turun temurun. Kita mempunyai budaya dan adat resam yang tidak ada di negara lain seperti adat istiadat diraja yang mencerminkan keagungan dan kedaulatan pemerintahan beraja. Rakyat dan penduduk negara ini yang beraneka ragam budaya merupakan kekayaan yang tidak ternilai harganya. Kebudayaan setiap daerah merupakan akar budaya bangsa yang perlu dikembangkan dan dilestarikan.

Hampir di setiap daerah terdapat bahasa daerah. Bahasa tersebut digunakan dalam pergaulan sehari-hari. Bahasa daerah tetap dijaga dan dipelihara oleh penduduk di daerah bersangkutan bahkan ada sebahagian bahasa daerah ini dijadikan kajian bagi para pelajar institusi tinggi. Di samping bahasa daerah, juga terdapat berbagai jenis tarian, nyanyian, alat musik, cerita rakyat, pakaian adat, dan upacara tradisional yang mewakili setiap tujuh puak yang ada di negara ini. Kita harus berbangga apabila budaya kita ditampilkan bukan sahaja di negara sendiri bahkan juga di negara lain. Mencintai budaya bangsa dapat diwujudkan dengan berbagai aktiviti seperti mengadakan malam budaya. Kerjasama Memorandum Persefahaman (MoU) dalam bidang penyiaran setentunya membuka ruang yang lebih luas dalam memperkenalkan budaya kita di rantau Asean dan juga antarabangsa.

## **Produk Tempatan**

Kepelbagaiannya produk tempatan juga dapat mencemerlangkan produk negara. Kempen-kempen dan juga promosi untuk menggalakkan penggunaan produk produk dalam negeri memberi impak yang tidak boleh dinafikan. Tidak dinafikan kualiti produk tempatan juga berkualiti setanding dengan produk-produk luar. Secara tidak langsung ini juga dapat membantu perekonomian dan apa yang penting pengangguran akan dapat dikurangkan walaupun tidak dapat dihapuskan sama sekali. Majlis Perundingan Mukim dan Kampong (MPMK) telah diperkenalkan ke semua daerah di negara ini yang bertujuan untuk mengenalkan produk mukim dan kampung masing-masing. Tujuan MPMK ini bukan saja menguntungkan rakyat dan penduduk di negara ini bahkan juga pada negara kerana bertambahnya produk tempatan yang boleh diketengahkan dalam perdagangan di luar negeri.

Majlis Anugerah Kampong Cemerlang Peringkat Kebangsaan diadakan buat pertama kali pada tahun 2009 untuk mewujudkan perubahan dinamik pada kampong-kampong untuk menjadi landasan kepada pelbagai sosio-ekonomi masyarakat setempat.

## **Zahirkan Semangat Patriotik**

Rakyat dan penduduk di negara ini digesa untuk mengibarkan bendera sempena sambutan ulang tahun kemerdekaan negara yang ke-29 yang sewajarnya disambut dengan penuh kesedaran oleh seluruh rakyat di negara ini. Ia adalah salah satu unsur atau elemen kenegaraan yang memberikan identiti kepada negara. Memang benar mengibar bendera bukan satu-satu cara untuk menzahirkan semangat patriotik. Tetapi, kita harus melihatnya dalam konteks semangat kenegaraan dan kemerdekaan. Sambutan kemerdekaan wajar diraikan dengan kibaran bendera kerana ia merupakan lambang dan identiti negara kita dengan menzahirkan rasa cinta dan patriotisme kita terhadap negara.

Mengharumkan nama bangsa dan negara tidak sukar seperti yang kita bayangkan. Apa yang penting ialah minat dan kesungguhan untuk meraih kejayaan. Kejayaan beberapa anak bangsa dalam beberapa pertandingan yang diadakan di luar negeri juga mengharumkan nama negara.

## **Bantu Masyarakat Global**

Penglibatan negara dalam mana-mana pertubuhan dunia sejak mencapai kemerdekaan pada tahun 1984 sudah lama diiktiraf oleh dunia antarabangsa. Sumbangan fikiran dan tenaga malah kewangan telah lama negara kita berikan dan kerana itulah negara kita semakin cemerlang dan digalati. Kutipan-kutipan derma bagi mangsa-mangsa banjir, gempa bumi, tsunami, tanah runtuh dan juga ribut taufan merupakan sebahagian inisiatif negara dalam menjalankan peranan membantu kepada yang memerlukan. Negara terus berusaha membantu dengan gigih dan penuh keikhlasan terhadap kesengsaraan yang ditanggung oleh masyarakat global. Walaupun bantuan yang diberikan hanya sedikit tetapi besar ertinya bagi yang menerima. Inilah kehebatan Negara Brunei Darussalam dalam membantu menangani kesengsaraan yang dialami oleh negara lain.

## **Pelaksanaan Hukum Islam**

Apa yang lebih membanggakan dan membuat kita berasa bertuah duduk di bumi bertuah ini ialah kerana pelaksanaan beberapa perkara yang berkaitan dengan agama Islam. Pelaksanaan hukum Kanun Syariah yang akan melaksanakan hukum-hukum hudud, Perintah pendidikan Wajib 2013 iaitu mewajibkan kanak-kanak berumur enam tahun ke atas untuk bersekolah agama. Bagi ibu bapa yang gagal menyekolahkan anak-anak mereka akan dikenakan hukuman. Dan yang terbaru ialah perintah penutupan premis-premis perniagaan semasa waktu sembahyang Jumaat. Semua yang diperintahkan di negara ini sangat bertepatan bagi kita dalam menghayati dan merealisasikan Negara Zikir. Negara kita satu-satunya negara yang melaksanakan segala hukum-hukum Islam ini dan harapan kita hanyalah semoga Negara ini akan sentiasa dirahmati dan dilindungi oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

## **KEBAJIKAN RAKYAT AGENDA UTAMA NEGARA**

**Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail**

**Pegawai Penerangan**

**N**egara Brunei Darussalam akan menyambut hari kebangsaan yang ke-29 pada tahun ini. Dalam usia yang sudah dianggap matang ini, pembangunan dan kemajuan Negara ini sudah terbukti. Kecil pada saiz keluasan tetapi besar dalam kemajuan yang dicapai.

Kemajuan yang dicapai negara membuktikan negara ini mampu memberi kestabilan yang diidamkan oleh semua penduduk di mana jua berada, kesejahteraan rakyat terpelihara, kebajikan dijaga. Semua yang diperoleh ini menunjukkan negara kita adalah negara yang terbaik di rantau ini.

Dalam mengukuhkan kewangan negara, penubuhan sebuah organisasi iaitu Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) telah dilaksanakan dalam usaha untuk memperteguh nilai wang negara ke tahap yang lebih tinggi di arena antarabangsa. Perjanjian Kesalingbolehtukaran Matawang Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura menyenangkan rakyat kedua-dua buah negara dalam urusan kewangan apatah lagi dalam bidang pelancongan.

### **Kesejahteraan Rakyat Agenda Utama**

Kesejahteraan rakyat juga menjadi agenda utama negara. Setiap bencana yang menimpa rakyat dan penduduk di negara ini segera mendapat perhatian. Mangsa banjir, tanah runtuh ataupun kebakaran rumah mendapat bantuan yang datang mencurah-curah untuk membantu dan meringankan beban yang ditanggung. Pihak kerajaan dan juga swasta sering mengadakan pelbagai aktiviti untuk mengutip derma bagi membantu mereka yang memerlukan. Sikap dan inisiatif begini mengundang pelbagai juta rasa kesyukuran, berterima kasih , kegembiraan dan pada masa yang sama perasaan haru kerana mendapat perhatian. Jelas kebajikan setiap rakyat dan penduduk di Negara ini sentiasa mendapat jaminan pemedulian.

Dari segi kesihatan, kesejahteraan rakyat dan penduduk di Negara ini sentiasa dititikberatkan ke tahap yang optima. Menyedari kesihatan adalah teraju pada kemajuan sesebuah Negara maka kementerian Kesihatan tidak kendur-kendurnya membuat perancangan demi perancangan demi mewujudkan masyarakat yang sihat sesuai dengan visi kearah warga yang sihat.

Untuk merawat kes-kes penyakit kanser di Negara ini, Pusat Kanser Brunei (TBCC) telah ditubuhkan pada Disember 2011. Jabatan Onkologi Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha disatukan dan diserapkan ke TBCC dan Pusat Pemulihan Neuroscience Pemulihan Strok Brunei di bawah pentadbiran yang sama.

Selain dari bidang kesihatan, dalam bidang pembangunan pula, negara juga membuat inisiatif bersama negara jiran mengungkayahkan pembinaan jambatan demi kesenangan dan kesejahteraan rakyat. Pembinaan Jambatan Pandaruan yang menghubungkan Brunei-Malaysia telah mendapat

respon dari seluruh rakyat dan penduduk di kedua-dua buah negara. Dalam hal ini, kedua-dua belah pihak mendapat faedah yang sama dengan pembinaan jambatan ini terutama dari segi politik, pelancongan, perdagangan dan juga persahabatan antara dua buah negara yang berjiran.

### **Penjimatan Tenaga Bantu Golongan Berpendapatan Rendah**

Penjimatan tenaga elektrik telah mendapat perhatian Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Sistem baru prepaid meter yang mula diperkenalkan di negara ini pada Januari 2012. Tarif baru penggunaan tenaga ini bertujuan untuk membantu golongan berpendapatan rendah dan pada masa yang sama mengelakkan pembaziran tenaga. Memang banyak cabaran yang perlu dihadapi dengan sistem prepaid meter ini tetapi kebijaksanaan pihak Kerajaan dalam menangani perkara ini akhirnya mendapat respons yang memuaskan apabila rakyat mula menyedari sistem baru ini adalah semata-mata demi kebaikan mereka juga.

### **Kebajikan Warga Perkhidmatan Awam**

Walau sudah tiga tahun berlalu tetapi kebajikan rakyat tetap dikenang dan sentiasa dirista. Dalam perkhidmatan Awam, kemurahan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada pegawai dan kakitangan wanita termasuk pekerja di sektor swasta dengan memberikan cuti beranak daripada 56 hari kepada 105 hari merupakan satu berita yang sungguh menggembirakan. Secara tidak langsung cuti 105 hari ini tetap akan menjadi buah mulut kerana setiap kali pegawai atau kaki tangan wanita hendak melahirkan, cuti 105 hari tetap dilaksanakan.

Kebajikan dalam Perkhidmatan Awam sentiasa dijaga untuk kesenangan semua warga kerja. Satu Skim Pinjaman Kewangan Perumahan di Jabatan Perbendaharaan telah diperkenankan dengan tambahan 60 bulan daripada gaji pokok berbanding sebelum ini yang hanya 48 bulan. Kemudahan kewangan ini ialah untuk meringankan beban kos pemilikan rumah bagi yang berpendapatan rendah. Ini merupakan satu berita baik bagi yang bercita-cita untuk memiliki rumah sendiri tanpa terpaksa menanggung beban hutang yang tinggi.

Begitu juga dengan Skim Tabungan Perumahan untuk ahli-ahli Tabung Amanah Pekerja (TAP) rakyat Negara Brunei Darussalam. Skim ini untuk membantu ahli-ahli yang berpendapatan rendah yang mana peserta-pesertanya menerima faedah tertentu seperti jaminan pemberian pulangan tahunan dengan kadar tertentu dan bagi peserta yang pendapatan keluarganya tidak melebihi \$4,000 sebulan, mereka akan layak dihulurkan bantuan kerajaan tidak melebihi \$25,000. Semua usaha ini menjurus pada bantuan kewangan untuk warga kerja di negara ini dalam mewujudkan warga kerja yang berjimat cermat dengan bantuan yang diterima.

Kaedah kenaikan pangkat yang digelar ‘Kaedah Kenaikan Pangkat Laluan Laju’ merupakan kaedah yang bukan ekslusif dan juga sebagai sebahagian daripada usaha bagi rancangan penggantian pegawai-pegawai B2 ke atas.

## **Mengguna Pakai Hukum Jenayah Syariah**

Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah tetapi peruntukan sivil atau ta'zir atau seakan-akan ta'zir akan terus juga digunakan mengikut keperluan. Indahnya hukuman ini perlu dihayati dan perlu ada pemahaman bahawa hukuman ini bukan kejam seperti dakwaan sesetengah pihak tanpa melihat atau menyelidiki terlebih dahulu.

## **Pendidikan Agama Wajib**

Pendidikan Agama Wajib 2013 telah di titahkan pada Majlis Sambutan Haji Guru ke-22. Pelaksanaan perintah itu bukan sahaja menunjukkan komitmen negara untuk melahirkan insan dan rakyat Brunei yang berwibawa serta lengkap dari segi rohani dan jasmani tetapi juga menjunjung harapan untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebuah Negara Zikir. Kebajikan rakyat terus dipertahankan dengan mewajibkan kanak-kanak yang lahir pada atau selepas 1 Januari 2006 dan tinggal di Negara Brunei Darussalam untuk bersekolah agama.

## **Penutupan Premis Perniagaan Pada Hari Jumaat**

Penutupan premis perniagaan pada waktu sembahyang Jumaat – memakmurkan masjid. Hasilnya masjid semakin bertambah penggunanya setiap kali sembahyang Jumaat. Keakraban, jalinan persaudaraan sesama Islam tanpa mengira bangsa, warna kulit, pekerjaan jelas wujud dalam suasana harmoni. Inilah salah satu usaha dan amal dalam merealisasikan kemesraan sesama agama Islam. Kesejahteraan semua pekerja tidak diabaikan dengan kelonggaran waktu bekerja apabila waktu sembahyang Jumaat dan ini membolehkan mereka menuaikan sembahyang Jumaat.

## **Usaha Mengurangkan Kemalangan Jalan Raya**

Pengenalan sistem demerit dalam usaha mengurangkan kemalangan di jalan raya seharusnya mendapat pujian. Inilah salah satu inisiatif terbaru yang dibuat pihak-pihak tertentu seperti Polis Diraja Brunei dan Jabatan Pengangkutan Darat dalam sama-sama berusaha memastikan segala peraturan di jalan raya dipatuhi. Bilangan korban kemalangan di jalan raya semakin membimbangkan walaupun beberapa peringatan telah dikeluarkan untuk sama-sama menjaga keselamatan di jalan raya. Kesejahteraan orang ramai dalam apa juu situasi sangat diambil berat oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerana itulah sistem demerit diperkenalkan dan dilaksanakan sepenuhnya pada tahun ini. Sikap toleransi, tanggungjawab dan bertimbang rasa semasa berada di jalan raya perlu untuk memastikan keselamatan semua di jalan raya terjamin.

## **Bantuan Kerajaan Tidak Mampu Ddibalas**

Jika dihitung semua inisiatif dalam usaha menjaga segala kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini ternyata kita selaku rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam tidak akan mampu membala segala yang diberikan kepada kita. Bantuan kesejahteraan dalam

bentuk kewangan, sokongan malah melibatkan tenaga kerja dan juga sumbangan tidak akan dapat dibalas. Rakyat perlu mengambil kesempatan pada setiap ruang yang diberikan untuk membala segala yang diberikan, diamanahkan, diberi tanggungjawab untuk menjaga, memelihara, mencemerlangkan Negara Brunei Darussalam di mata dunia dan menjauhkan daripada segala anasir yang boleh menjatuhkan negara ini. Hanya kita sahaja yang berhak terhadap negara ini maka julanglah nama Negara Brunei Darussalam dengan sepenuh hati.

SELAMAT HARI KEBANGSAAN 2013.SANJUNGI BAHASA RASMI NEGARA.

## **MENGUKUHKAN KEGEMILANGAN**

### **ISLAM DI BUMI BRUNEI**

Oleh : Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar

Pegawai Penerangan

**I**slam adalah agama yang diredhai oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Islam adalah agama yang dibawa oleh junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam kepada semua umat manusia di muka bumi. Islam di Negara Brunei Darussalam adalah sebagai agama rasmi negara dan merupakan salah satu komponen yang terdapat dalam falsafah negara, iaitu Melayu Islam Beraja (MIB). Selain itu, Islam juga merupakan agama yang dianuti oleh majoriti penduduk di negara ini.

Kegemilangan Islam di Brunei bermula pada zaman pemerintahan Sultan Sharif Ali apabila Melaka jatuh di tangan Portugis pada tahun 1511. Brunei telah mengambil peranan dan menjadi pusat penyebaran agama Islam ketika itu menggantikan Melaka. Dalam zaman pemerintahan baginda, Brunei mempunyai masjidnya sendiri. Corak pemerintahan negara pada ketika itu adalah berdasarkan agama Islam dan berterusan sehingga ke hari ini. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman bahawa: "Sesungguhnya agama (yang benar dan diredhai) di sisi Allah ialah Islam" dalam Surah Ali Imran, Ayat 19.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seperti juga pemerintah-pemerintah terdahulu tetap menjadikan agama Islam sebagai panduan dan teras kepada pemerintahan baginda. "Ajaran-ajaran Al-Qur'an dan As-Sunnah mesti ditegakkan, Termasuk hukum-hukumnya, jangan dilangkahi..." titah baginda sempena Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Negara Tahun 1432 Hijrah / 2011 Masih.

Pelbagai usaha dalam mengukuhkan Islam di negara ini telah dibuat dan dilaksanakan oleh baginda dalam pengurusan mahupun pentadbiran negara, undang-undang, pendidikan, kesihatan dan sebagainya. Lingkungan masyarakat yang dicakupi dalam usaha tersebut meliputi semua lapisan masyarakat di negara ini.

Pengurusan dan pentadbiran yang paling sesuai dan tepat adalah berdasarkan ajaran dan petunjuk agama Islam daripada kitab suci Al-Qur'an seperti dalam Firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-A'raf, Ayat 158: "Oleh itu, berimanlah kamu kepada Allah dan RasulNya, Nabi yang Ummi yang beriman kepada Allah dan kalimah-kalimahNya (kitab-kitabNya) dan ikutilah dia, supaya kamu beroleh hidayah petunjuk."

Melalui pengurusan dan pentadbiran, antara unsur agama Islam yang diterapkan adalah dalam menerapkan Pakaian Bekerja Rasmi seperti dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil:8/1996 yang mula dikuatkuasakan pada 1 Mei 1996 bagi pegawai-pegawai lelaki dan wanita. Pegawai-pegawai lelaki hendaklah berpakaian kemas dan sopan. Manakala bagi pegawai-pegawai dan kakitangan wanita hendaklah berpakaian kemas dan sopan, iaitu pakaian yang menutup aurat. Ini pada dasarnya adalah berasaskan ajaran agama Islam yang menggalakkan lelaki mahupun wanita untuk menjaga dan menutup aurat mereka apabila berada di luar rumah bagi mengelakkan fitnah dan menjaga maruah mereka masing-masing.

Selain itu, Rukun Akhlak dan Etika Kerja dalam Perkhidmatan Awam yang 11, antaranya 1) Bersih, jujur dan amanah amalan mulia; 2) Cekap, cepat dan tepat tuntutan kerja; 3) Titih, lutunan dan menghargai masa asas kejayaan; 4) Berilmu, kreatif dan inovatif asas kebaktian; 5) Beriltizam, keterbukaan dan akauntabiliti mengukuh keberkesanan dan 6) Sabar, tabah dan bersopan santun amalan terpuji. Sikap jujur, amanah, berilmu, tabah dan sabar contohnya adalah antara sifat-sifat yang terpuji dan mulia dalam agama Islam. Maka tidak dapat disangkalkan lagi bahawa dalam pengurusan dan pentadbiran pun sudah ada usaha untuk mengaplikasikan pentadbiran berdasarkan agama yang suci, iaitu Islam.

Kesungguhan baginda tidak terhenti di sana sahaja, ini nyata apabila kerajaan baginda telah memperuntukkan lebih dari BND100 juta dalam Rancangan Kemajuan Negara 2012-2017 bagi pembangunan masjid-masjid baru di seluruh negara. “Kita mengharapkan dengan pembinaan masjid-masjid ini, di samping akan menambahkan lagi kemudahan untuk beribadat, ia juga berperanan untuk menjadi pusat kegiatan ummah dan tidak terkecuali sebagai tempat pengembangan ilmu secara berterusan” dalam titah baginda sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu ‘Alaihi Wasallam bagi tahun 1434 Hijrah/ 2013 Masihi.

Pembinaan masjid-masjid, surau-surau serta balai-balai ibadat di negara ini bukan sahaja bagi membolehkan rakyat dan penduduk negara ini menunaikan solat lima waktu, tetapi juga bagi membolehkan ajaran-ajaran agama Islam yang lain seperti mengaji muqaddam dan Al-Qur'an serta ajaran agama Islam yang berkaitan dapat dijalankan oleh pihak-pihak tertentu kepada kanak-kanak, belia-belia mahupun orang-orang dewasa dan juga warga emas dalam mempelajari mahupun menghalusi bacaan Al-Qur'an mahupun solat mereka dan mengetahui serta mendalami lagi ajaran-ajaran agama Islam yang luas lagi suci.

Di samping itu, “Untuk melahirkan generasi Al-Qur'an, beta telah pun memperkenalkan beberapa skim penggalak berupa elaun bulanan kepada siapa yang diperakui lulus hafalannya oleh Lembaga Tasmi'e, mengikut kategori. Beta juga memperkenankan Skim Penggalak Kecemerlangan Membaca Al-Qur'an Peringkat Anatarabangsa di Kuua Lumpur. Bagi siapa yang berjaya memenangi tempat pertama, kedua atau ketiga dalam Majlis Tilawah ini akan diberikan hadiah galakan berupa wang tunai.”

“Sebagai galakan seterusnya, beta telah memperkenankan pemberian elaun sebanyak BND2,000 sebulan bagi sepanjang hayat kepada qari dan qariah penyandang johan dalam Majlis Tilawah Al-Qur'an Peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur, Malaysia. Elaun ini juga adalah sebagai tanda pengiktirafan kerajaan kepada penyandang dan penghargaan atas sumbangan mereka mengangkat nama baik negara...” dalam titah baginda sempena Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Negara Tahun 1433 Hijrah/ 2012 Masihi

Dari segi undang-undang, Akta Jenayah Syarak dihasratkan untuk dilaksanakan bagi menangani jenayah syarak yang benar-benar merujuk hukum syarak. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ada menyatakan hasrat baginda semasa Persidangan Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) bahawa “Ia adalah undang-undang Allah dan kita dituntut supaya melaksanakannya. Kita selaku hamba yang beriman tidak ada

pilihan lain melainkan wajib mentaati suruhan itu. Brunei telah menggunakannya sejak sebelum abad Ke-17 lagi.”

Selain itu, Perintah penutupan sementara premis-premis perniagaan, pejabat, pusat-pusat hiburan, rekreasi dan sukan termasuk pawagam, padang permainan, gedung-gedung perniagaan telah dititahkan oleh baginda sempena Perutusan Aidiladha 1433 Hijrah/ 2012 Masihi. Ia bagi membolehkan penutupan selama dua jam bagi tempat-tempat tersebut dan memberikan laluan kepada umat Islam mengerjakan Sembahyang Fardhu Jumaat setiap Jumaat mulai dari jam 12.00 tegah hari sehingga pukul 2.00 petang.

“Ajaran-ajaran Al-Qur'an dan As-Sunnah mesti ditegakkan, Termasuk hukum-hukumnya, jangan dilangkahi...” titah baginda sempena Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Negara Tahun 1432 Hijrah/ 2011 Masihi. Ia adalah antara langkah yang diambil oleh baginda melalui kerajaan baginda bagi membolehkan umat Islam yang bertugas pada hari Jumaat agar dapat menunaikan solat fardhu tersebut bersama-sama seperti yang diwajibkan kepada mereka dalam Islam. Tindakan tersebut sekali lagi mempamerkan akan kerpihatinan baginda akan kepentingan mendahulukan mana yang wajib atau fardhu dari segi ajaran agama Islam di samping tugas-tugas harian yang lain.

Tanpa disedari, setiap sudut kehidupan rakyat dan penduduk di negara ini pada dasarnya berteraskan pada ajaran agama Islam. Antaranya juga dalam pendidikan di negara ini di mana Undang-undang Pendidikan Ugama Wajib 2012 yang dikuat kuasakan mulai 1 Januari 2013. “Beta penuh yakin, langkah mewajibkan pendidikan agama adalah langkah yang sungguh-sungguh tepat. Di samping sebagai keperluan asas, ia juga amat penting bagi ‘survival’ masa depan kita...” titah baginda sempena Sambutan Hari Belia Ke-7 Tahun 2012.

Pendidikan agama yang diwajibkan kepada kanak-kanak Islam yang berumur tujuh tahun di negara ini adalah sebagai pendidikan yang terbaik dan juga persiapan yang sesuai bagi mereka dalam menempuh ranjau dan cabaran dunia yang semakin maju, pesat dan moden dengan info teknologi ini. Pendidikan agama yang bakal diperolehi oleh mereka kelak diharap dapat menjadi pegangan dan panduan mereka dalam mengharungi masa depan kelak. Mereka bukan sahaja memperolehi pendidikan ukhrawi, tetapi juga dalam masa yang sama memperolehi pendidikan duniawi berdasarkan Sistem Pendidikan Negara 21. Pendidikan yang terbaik adalah pendidikan ilmu duniawi dan ukhrawi yang seimbang dan mampu mengimbangi yang negatif kepada positif dan kurang baik kepada baik.

Apa yang telah dinyatakan adalah antara usaha-usaha yang telah diusahakan dan dilakukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui kerajaan baginda dalam memastikan bahawa ajaran agama Islam terus gah di bumi Brunei Darussalam.

Namun apa yang penting adalah peranan setiap individu dalam memastikan bahawa apa yang telah dicapai dan dikecapi mahupun disediakan dan dicadangkan oleh kerajaan baginda dalam mengukuhkan agama Islam di negara ini dapat diteruskan dan dilaksanakan oleh generasi kini dan juga generasi-generasi pelapis seterusnya. Kebaikan yang bakal diterima bukan sahaja bagi individu tersebut, tetapi yang pasti adalah bagi semua rakyat dan penduduk negara ini dan juga Negaraku Brunei Darussalam.

Selamat Menyambut Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang Ke-29. Semoga kemerdekaan yang dikehendaki akan berkekalan selamanya, Amin. Merdeka Sejahtera Bahagia Negaraku Brunei Darussalam!.

**SUMBER TENAGA MANUSIA**  
**PENJANA KEMAJUAN NEGARA**  
**Oleh : Hilmy Zainal**  
**Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat I**

**A**set paling penting bagi pembangunan setiap negara ialah rakyat negara itu sendiri. Setiap rakyat yang menyumbang kepada aktiviti ekonomi, yang diistilahkan sebagai sumber tenaga manusia, merupakan penjana kepada kemajuan negara. Tidak kira apa jua peringkat sama ada ianya pemimpin, pengusaha, perkhidmatan awam, sektor swasta, nelayan, petani, buruh, peniaga adalah sama-sama memainkan peranan kepada pembangunan sesebuah negara.

Justeru itu, perkembangan sumber tenaga manusia secara menyeluruh merupakan dasar penting sesebuah negara yang telah membangun dan sedang membangun. Ia adalah kunci pelaburan dalam ekonomi yang harus diberikan fokus utama.

Negara Brunei Darussalam tidak terkecuali. Kita hanya mempunyai penduduk yang kecil dan rakyat kita adalah aset penting dalam menyumbang kepada pembangunan negara. Dalam pada itu kerajaan telah mengambil langkah dalam memastikan sumber tenaga manusia di negara ini mempunyai kemahiran dan kepakaran dalam bidang masing-masing. Kerajaan menyedari akan keperluan ini di dalam keadaan persaingan ekonomi yang pesat dan kemajuan teknologi yang semakin canggih. Keadaan ekonomi pada masa ini lebih berdasarkan kepada “knowledge and innovation-based economy”.

**Langkah Kerajaan**

Dalam menjana perkembangan sumber tenaga manusia, dasar utama yang ditumpukan ialah meningkatkan tahap pendidikan.

KebawahDuli Yang Maha Mulia telah bertitah mengenai perkara ini yang dimuatkan dalam titah perutusan buku Rancangan Kemajuan Negara kesepuluh (2012-2017):

*“Kunci utama kepada peningkatan produktifiti yang berasaskan ilmu pengetahuan. Justeru, penakanan perlu diberikan kepada penyediaan pendidikan dan kemahiran secara berkesan dalam semua bidang seperti sains dan teknologi, kejuruteraan, keselamatan, ekonomi, perniagaan, keusahawanan, kesihatan dan agrimakanan.....” (Titah, 2012)*

Untuk ini kerajaan telah menawarkan skim dermasiswa semenjak lebih dari 50 tahun lagi, iaitu satu dasar pendidikan “meritocracy” yang telah diasaskan oleh Almarhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien. Dasar ini memberikan peluang kepada seluruh rakyat negara ini yang mencapai tahap akademik yang memuaskan untuk mendapatkan skim dermasiswa.

Penghantaran pelajar-pelajar dermasiswa keluar negeri terus dilakukan sehingga hari ini yang meliputi:

- Sultan's scholar biasiswa
- The Supreme Commander (ABDB) biasiswa
- Biasiswa Kerajaan Kementerian Pendidikan
- Biasiswa Dana Sumber Tenaga Manusia
- Biasiswa Perkhidmatan Pentadbiran Brunei Darussalam (BAS)
- Biasiswa Brunei Shell Petroleum (BSP)
- Skim Biasiswa Pengajian Teknikal dan Vokasional (BPTV)

Selain itu dalam meningkatkan kemahiran dalam perkhidmatan awam, skim Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) juga akan diberikan kepada pegawai/kakitangan perkhidmatan awam yang berhasrat untuk melanjutkan pengajian/kursus dalam dan luar negeri.

Dalam dua tahun lepas kerajaan telah memperkenankan pemberian dermasiswa melalui Skim Biasiswa Pengajian Teknikal dan Vokasional (BPTV) kepada penuntut-penuntut yang tidak mempunyai kelayakan akademik untuk meneruskan pengajian di institusi swasta di negara ini sehingga ketahap Pre-National Diploma, National Diploma dan Higher National Diploma. Skim ini dikendalikan oleh Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Jabatan Perdana Menteri. Ianya diberikan kepada penuntut lepasan GCE ‘O’ dan ‘A’ Level.

Kerajaan juga telah memperuntukkan dana berjumlah BND250 juta bagi melaksanakan pelbagai program untuk mempertingkatkan kualiti dan kemahiran serta pembangunan kapasiti sumber tenaga manusia dalam pelbagai sektor sebagai usaha berterusan untuk memperkuuh pembangunan sumber tenaga manusia.

Baru-baru ini Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang DiPertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan satu lagi skim biasiswa yang dipanggil Skim Biasiswa The Chancellor’s Scholar. Skim ini bertujuan untuk melahirkan tenaga akademik tempatan yang berkualiti tinggi. Mereka akan ditempatkan di universiti yang terkemuka di dunia.

### **Latihan Teknikal dan Vokasional**

Dalam usaha untuk mempelbagaikan kemahiran sumber tenaga manusia kerajaan bukan saja memfokuskan kepada bidang akademik tetapi juga meningkatkan kemahiran dalam bidang teknikal dan vokasional.

Oleh itu kerajaan melalui Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan sistem pendidikan yang baru iaitu Sistem Pendidikan abad ke-21 (SPN 21). Sistem ini bukan sahaja menumpukan terhadap kemajuan pembelajaran akademik tetapi juga mefokuskan kepada bidang teknikal dan vokasional. Ini memberikan peluang kepada semua penuntut-penuntut walaupun bagi mereka yang kurang berkebolehan dalam bidang akademik.

Sebelumnya, bidang teknikal dan vokasional ini dianggap pilihan kedua dibandingkan

dengan subjek akademik tetapi pada masa ini andaian tersebut sudah berubah. Kemahiran dalam bidang ini adalah diperlukan. Jumlah penuntut-penuntut yang mengambil bidang ini masih tidak mencukupi dari yang dikehendaki.

Justeru itu, kerajaan telah membuat langkah untuk meningkatkan pendidikan dalam teknikal dan vokasional dengan menubuhkan dan pengubahsuaian beberapa institusi pendidikan teknikal dan vokasional agar ianya sesuai untuk pengajian ketahap lebih tinggi:

- Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal
- Maktab Kejuretraan Jefri Bolkiah
- Sekolah Vokasional Nakhoda Ragam
- Pusat Latihan Mekanik
- Sekolah Perdagangan
- Sekolah Vokasional Wasan
- Sekolah Vokasional Sultan Bolkiah
- Pusat Perkembangan Belia

Menyedari akan keperluan dalam bidang teknikal di negara ini maka kerjaan juga telah menaikkan taraf pengajian Institut Teknologi Brunei ketahap Ijazah dan telah menubuhkan Politeknik Brunei untuk kursus Diploma Lanjutan dan Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND).

### **Mengutamakan anak tempatan**

Pada masa ini kebanyakkan penyandang jawatan-jawatan sama ada di sektor awam dan swasta seperti doktor, pensyarah, jurutera, peguam, pengurusan, kewangan, akitek, industri petroleum dan sebagainya dijawat oleh anak-anak tempatan. Kebergantungan kepada pakar luar negara bagi jawatan berkenaan semakin berkurangan.

Perkara ini membuktikan pelaburan kerajaan untuk menjana perkembangan sumber tenaga manusia bagi rakyat negara ini telah menunjukkan hasil yang positif. Selain itu beberapa sektor swasta seperti Syarikat Minyak Shell Brunei telah membuat dasar mengutamakan anak-anak tempatan untuk mengisi jawatan-jawatan yang menghendaki kemahiran profesional.

Walau bagaimana pun bagi bidang yang hanya memerlukan kemahiran informal seperti tukang jahit, tukang gunting, mekanik kereta, mekanik alat hawa dingin, tukang kayu, pembuat rumah, kerja-kerja pertanian, tukang masak, tukang kebun dan sebagainya, masih lagi banyak bergantung kepada pekerja asing. Ini disebabkan anggapan bahawa kerja-kerja berkenaan tidak memberikan jaminan kewangan dan pendapatan yang mencukupi. Andaian demikian adalah salah sama sekali. Di negara ini permintaan kepada kerja-kerja yang dinyatakan di atas adalah tinggi dan jika kerja-kerja ini dibuat oleh anak-anak tempatan maka ianya masih lagi tidak dapat memenuhi kehendak pasaran. Selain itu jika ianya dibuat dengan kualiti yang memuaskan maka para pelanggan sanggup membayar dengan bayaran yang tinggi.

Oleh itu, jika kita memberikan peluang kepada mereka yang pada masa ini masih menganggur untuk diberikan latihan atas kemahiran bagi kerja-kerja yang disebutkan di atas dan seterusnya diberikan galakan untuk mereka menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan seperti misalnya membuka kedai gunting atau kedai tukang jahit. Dengan demikian ianya akan memberikan pendapatan kepada mereka seterusnya mengurangkan kebergantungan kepada pekerja luar.

### **Kesimpulan**

Kerajaan menyedari akan kepentingan sumber tenaga manusia dalam menjana pembangunan negara. Oleh itu usaha mengembangkannya adalah merupakan pelaburan utama negara. Ia merupakan satu pelaburan yang akan berbaloi walaupun ianya satu cabaran dan isu yang komplek.

Semakin ekonomi negara ini berkembang dengan pesat, semakin pula negara memerlukan tenaga manusia yang berkamahiran tinggi. Kemahiran yang diperlukan dari semasa ke semasa akan berubah. Oleh itu falsafah “longlife learning” atau pembelajaran sepanjang hayat tetap relevan. Kita tidak ada pilihan lain melainkan untuk terus menerus merancang ke arah mengembangkan sumber tenaga manusia. Jika tidak hasrat untuk mencapai wawasan 2035 tidak akan tercapai.

**PENGAPLIKASIAN ICT MAJUKAN**  
**PENTADBIRAN NEGARA**  
**Oleh : Ishak Haji Othman**  
**Penolong Penyunting Tingkat I**

**P**erkembangan dan pertumbuhan pesat teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) telah bermula seawal dekad 80-an lagi. Namun riak-riak perkembangannya tercetus lebih awal iaitu sekitar dekad 70-an. Ketika kebanyakan negara berhadapan dengan cabaran pengurusan baru ekonomi dunia, maka jawapan kepada cabaran berkenaan ialah menerusi kepantas, fleksibiliti, dan penggunaan komputer secara efisien. Perkembangan pesat ICT sesungguhnya telah mengubah kehidupan manusia dan ianya masih tetap berlangsung sehingga kini.

Manusia tidak dapat menjangkakan secara tepat apakah kesan transformasi yang bakal diakibatkan oleh ICT. Namun satu kesan utama yang telah, sedang dan mungkin mendominasi dunia adalah berkaitan dengan “revolusi maklumat”. Terma revolusi maklumat adalah merujuk kepada pencapaian aspek ekonomi, sosial serta teknologi yang jauh melangkaui pencapaian revolusi industri. Kunci kepada pencapaian di dalam zaman maklumat adalah bersandarkan kepada sains dan teknologi.

Kerajaan elektronik (eKerajaan) merupakan satu inisiatif pihak kerajaan yang bertujuan bagi memanfaatkan perkembangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi atau Information and Communications Technology (ICT) kepada pengguna dan masyarakat.

Projek eKerajaan yang menelan kos yang besar diyakini dapat memberi manfaat yang tidak ternilai kepada warga Negara Brunei Darussalam serta meningkatkan kecekapan membaik pulih aliran maklumat serta meningkatkan kualiti pembangunan, penyelaras dan pelaksanaan polisi-polisi kerajaan.

eKerajaan adalah bertujuan untuk meningkatkan kecekapan operasi pentadbiran dan mutu perkhidmatan sektor awam keseluruhannya ke satu tahap yang lebih baik. Peningkatan tersebut seterusnya akan dapat meningkatkan tahap kepuasan pelanggan yang berurusan dengan pihak kerajaan.

Pada asasnya pelaksanaan eKerajaan dijalankan adalah untuk memenafaatkan teknologi maklumat dalam mentransformasi penyampaian perkhidmatan kerajaan kepada rakyat dan hubungan antara kerajaan dengan rakyat. Kualiti penyampaian perkhidmatan akan meningkat dimana perkhidmatan boleh didapatkan secara berterusan dua puluh empat jam, masa respon yang cepat dan kadar kesilapan yang berkurang. Hubungan antara kerajaan dengan rakyat akan menjadi lebih mudah dan lebih baik.

Pelaksanaan eKerajaan dalam sektor perkhidmatan awam dipercayai menambah baik mutu perkhidmatan awam agar lebih efektif dan berkesan. Ia juga mampu menjadi satu kaedah perkongsian

bijak yang berkesan antara kerajaan dan rakyat dalam mengurus hal ehwal kepentingan negara terutamanya dimasa hadapan.

Untuk menuju status negara maju menjelang tahun 2035 dan seterusnya diangkat sebagai negara yang menggunakan aplikasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi atau Information and Communications Technology (ICT) sepenuhnya, kerajaan elektronik seharusnya menjadi satu komponen penting dalam agenda penyampaian perkhidmatan yang lebih luas di Negara Brunei Darussalam.

Semua negara di dunia telah berlumba-lumba untuk melaksanakan eKerajaan. Tujuan utama eKerajaan ialah untuk memudahkan perhubungan antara Kerajaan dan rakyat dan komuniti bisnes melalui perkhidmatan dalam talian. Semua rakyat dan komuniti bisnes boleh mencapai dan menggunakan perkhidmatan dalam talian yang ditawarkan.

Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah membolehkan maklumat dihantar dan diterima dengan pantas. Kemudahan ini telah membawa kepada peningkatan penggunaan Internet dan mel elektronik atau e-mel dalam sektor awam. Hakikat ini turut dipengaruhi oleh bilangan pengguna dan kepentingan maklumat yang kian meningkat dari semasa ke semasa.

Kerajaan sentiasa berusaha meningkatkan kecekapan dalam proses komunikasi di kalangan anggota-anggotanya dan juga di antara agensi Kerajaan dengan swasta dan orang ramai. Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah membuka peluang kepada komunikasi yang lebih cepat dan mudah. Salah satu kaedah komunikasi yang semakin luas penggunaannya dalam sektor awam ialah Internet dan mel elektronik (e-mel).

Komunikasi secara elektronik juga dilihat sebagai salah satu saluran penting dalam membantu mewujudkan perkongsian maklumat. Tambahan pula, kaedah ini membolehkan proses penghantaran dan penerimaan sesuatu maklumat dilaksanakan dengan lebih cepat dan mudah.

Bagaimanapun, pengurusan Internet dan e-mel yang tidak terkawal boleh menjelaskan keselamatan maklumat. Justeru, perlindungan keselamatan yang bijaksana perlu diwujud dan disesuaikan bagi menjamin kesahihan, keutuhan dan kebolehsediaan maklumat yang berterusan.

Dalam usaha yang berterusan bagi meningkatkan lagi keberkesanan perlaksanaan perkhidmatan-perkhidmatan e-Kerajaan, kerajaan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Perdana Menteri telah melancarkan Pelan Strategik e-Kerajaan 2009-2014 pada 30 Mei 2009.

Kita maklum terdapatnya tanggapan bahawa projek-projek e-Kerajaan itu adalah rata-rata merupakan solusi ataupun penyelesaian masalah yang didorong teknologi. Tanggapan sebegitu adalah tidak tepat. Penggunaan teknologi sepatutnya dilihat dan difahami sebagai alat membantu kelancaran proses dan prosedur amalan kerja. Apa yang penting iaial dalam konteks e-Kerajaan teknologi adalah ‘enabler’ yang membawa perubahan kepada prses dan prosedur serta amalan keraja seharian Perkhidmatan Awam supaya lebih baik, lebih efisien, mudah dan berkesan.

Perkhidmatan awam merujuk kepada perkhidmatan yang diberikan oleh kerajaan untuk kepentingan awam. Perkhidmatan eKerajaan ialah perkhidmatan awam yang disampaikan secara dalam talian meliputi perkhidmatan maklumat, komunikasi dan transaksi dengan agensi-agensi awam yang di capai atau disampaikan melalui web atau internet terutamanya perkhidmatan yang ditujukan kepada orang awam tidak termasuk bisnes.

Kemahiran ICT pastinya memainkan peranan yang penting di dalam menggerakkan projek ‘flagship’ eKerajaan atau projek yang membawa kesan langsung kepada orang ramai atau masyarakat umum dengan memiliki 3 ciri utama – Informatif, Interaktif dan Transaksi.

Tidak dinafikan ekspektasi orang ramai terhadap perkhidmatan awam semakin meningkat sejak diumumkan program eKerajaan. Tidak kurang juga ianya diterima dengan penuh skeptikal. Ekspektasi dan skeptikal inilah yang menjadi cabaran dan pendorong utama kepada kita dengan membuat persiapan dan melengkapkan diri dengan kefahaman dan kemahiran yang diperlukan.

Secara keseluruhan perkhidmatan eKerajaan ditawarkan kepada tiga golongan pengguna yang utama iaitu agensi-agensi kerajaan, komuniti bisnes dan pengguna awam/rakyat. Sistem yang memberi perkhidmatan kepada agensi kerajaan dipanggil sistem-sistem G2G (Government-to-Government). Sistem yang memberi perkhidmatan kepada bisnes dipanggil sistem G2B (Government-to-Business) dan sistem perkhidmatan kepada pengguna awam/rakyat dipanggil sistem G2C (Government-to-Citizen).

Kejayaan besar pelaksanaan eKerajaan bukanlah bergantung kepada hardwares dan softwares tetapi bergantung kepada keberkesanan dan kemahiran tenaga manusia dalam penggunaan, mempraktikkan dan mengembangkan secara berterusan aplikasi-aplikasi yang diperkenalkan didalam rancangan e-Kerajaan.

Penggunaan e-mel adalah salah satu daripada bahagian e-Kerajaan. Kerajaan melalui Pusat e-Kerajaan Kebangsaan telah menggalakkan setiap jabatan kerajaan mempunyai akaun e-mel. Ini bertujuan bagi memudahkan orang awam berurusan dengan jabatan-jabatan kerajaan secara terus.

Selain itu dengan penggunaan e-mel juga mengurangkan penggunaan kertas kepada perkara-perkara kecil misalnya menghantar memo, surat-surat permasalahan dan seumpamanya. Secara tidak langsung ini turut merealisasikan misi kerajaan kearah penjimatan kertas dan konsep pejabat mesra alam.

Kita semua tahu akan sumbangan dan keupayaan teknologi khususnya teknologi informasi dan komunikasi (ICT) terhadap sistem pengurusan. ICT bukan sahaja mampu meningkatkan kecekapan pentadbiran malah ia juga amat berguna dalam membantu membuat keputusan. ICT juga membolehkan kita menjadi lebih berkesan misalnya mengupayakan kita melaksanakan pengurusan ilmu (knowledge management). Dalam banyak hal, sistem ICT juga boleh menyumbang kepada penjimatan kewangan.

Kewujudan portal-portal kerajaan yang merupakan satu media penting bagi mendekatkan rakyat kepada perkhidmatan elektronik yang disediakan oleh pihak Kerajaan. eKerajaan merupakan satu sumber rujukan utama bagi rakyat mendapatkan maklumat-maklumat berkaitan perkhidmatan kerajaan.

Pelaksanaan eKerajaan dalam sektor perkhidmatan awam dipercayai menambah baik mutu perkhidmatan awam agar lebih efektif dan berkesan. Ia juga mampu menjadi satu kaedah perkongsian bijak yang berkesan antara kerajaan dan rakyat dalam mengurus hal ehwal kepentingan negara terutamanya dimasa hadapan.

Ia bertujuan untuk meningkatkan keselesaan, pencapaian dan kualiti dalam interaksi dua hala antara kerajaan dengan orang awam. Kerajaan elektronik juga akan membantu membaiki aliran maklumat dan proses-proses di dalam kerajaan untuk meningkatkan kepantasan dan kualiti pembangunan, penyelarasan dan penguatkuasaan polisi.

Aplikasi ICT telah banyak mengubah struktur institusi-institusi di dalam masyarakat. Ada di antara perubahan berkenaan tidak mungkin dapat dihalang dan bakal berlaku hampir setiap masa. Perubahan itu ada yang pantas dan bersifat drastik, manakala pada satu ketika yang lain bersifat lambat dan berperingkat hingga tidak disedari.

ICT mengandungi beberapa aplikasi dan keupayaan khususnya di dalam membangun, menyimpan dan menyebarkan maklumat. Keadaan yang wujud ini adalah amat bersesuaian dengan fungsinya iaitu untuk menyelesaikan permasalahan, menghak upaya nilai dan kreativiti individu dan yang lebih utama ialah membantu manusia lebih efektif dan produktif didalam tugas sehariannya.

## **BELIA CEMERLANG NEGARA GEMILANG**

**Oleh: Eddy Iswandy Haji Ismail**

**Penolong Pegawai Penerangan**

**B**elia menurut definisinya di Negara Brunei Darussalam adalah golongan lelaki atau perempuan yang berumur di antara 15 hingga 40 tahun. Golongan generasi ini adalah cerminan pembentukan negara masa depan. Mereka adalah golongan pelapis yang akan mewarisi kepimpinan dalam organisasi, masyarakat dan negara suatu masa kelak. Jesteru itu golongan ini dianggap sebagai aset terpenting yang perlu dipelihara dan dibimbang kerana pada diri belia inilah diletakkan harapan yang tinggi untuk memperjuangkan serta mempertahankan maruah agama, bangsa dan negara.

Belia dianggap mampu menjadi ejen perubahan sosial dan pembentuk negara masa depan. Pentingnya golongan belia ini sehingga terangkai ungkapan berbunyi ‘Belia hari ini adalah pemimpin masa depan’. Jika diimbas sejarah kegemilangan belia pada zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, belia dizaman tersebut banyak memainkan peranan yang sangat besar dalam menggerak serta merubah pola pembangunan dan kehidupan untuk masyarakat dan juga negara. Dalam masa tersebut agama islam muhul dikukuhkan dan dijadikan sebagai sebuah agama yang lengkap untuk diwarisi. Apa yang perlu ada untuk belia masa kini ialah dengan hanya mencontohi belia-belia zaman tersebut sebagai sukat-sukat untuk terus maju kehadapan dengan misi untuk menjayakan segala perancangan dan agenda yang teratur demi kearah merealisasikan hasrat pembangunan negara untuk menjadi negara yang gemilang hasil kewibawaan belia-belia yang penuh didiksi dan komited terhadap kemajuan negara.

### **Era Teknologi Infokomunikasi**

Kepesatan Teknologi infokomunikasi (*ICT*) telah mewarnai kehidupan belia-belia masakini. Sehari tanpa peralatan teknologi seperti telefon bimbit, *laptop*, *ipad* dan sebagainya seakan hidup tidak ‘*up to date*’ Sekali ketik tetap muhul diketik lagi. Itulah lumrah dalam era yang serba canggih ini. Maklumat tanpa sempadan dan kini lebih sinonim dengan ungkapan maklumat dihujung jari memberi gambaran belia juga tidak ketinggalan dalam menjalani arus kemodenan. Belia bebas menggunakan peralatan-peralatan *ICT* asalkan mereka tahu kepentingan itu boleh mewujudkan semangat dan iltizam yang kuat untuk membawakan perubahan. Dalam hal ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah ibni Al-Mahrum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di dalam titah sempena Hari Belia Kebangsaan 2011 antara lain baginda menekankan “*Kita gembira kerana terdapat sebilangan belia yang berbakat telah berjinak-jinak dengan perusahaan atau perniagaan. Mereka menggunakan daya kreativiti mereka melalui kaedah teknologi infokomunikasi atau ICT. Usaha ini sungguhlah membanggakan.*”

Ini menunjukkan belia kita hari ini tidak ketinggalan dalam mengharungi dan mempergunakan teknologi Infokomunikasi (*ICT*) sebagai landasan untuk memajukan perusahaan dan perniagaan. Ini ditambah lagi dengan tertubuhnya pusat inkubator yang merupakan inkubator teknologi maklumat dan komunikasi yang pertama di Brunei dibawah projek Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei yang

bertujuan bagi mengembangkan dan memajukan syarikat-syarikat ICT serta pengusaha-pengusaha muda terutama sekali generasi belia-belia yang berpotensi untuk mengeluarkan produk-produk yang dihasilkan melalui daya ilham kreativiti yang bertunjangkan teknologi infokomunikasi. Dasar pandang kedepan belia telah menjadikan ICT sebagai asas untuk menciptakan suatu benda yang sukar menjadi senang asalkan mahu bekirih sendiri usaha itu pasti akan berbaloi. Melalui prasarana canggih teknologi yang disediakan oleh pihak-pihak tertentu, sudah pasti keupayaan belia untuk menerokai bidang ini memang patut diberikan pujian kerana usaha sedemikian mampu menjadikan bidang ICT sebagai sumber utama yang perlu ada dalam belia menempuh era globalisasi yang penuh mencabar.

### **Pemacu Wawasan Brunei 2035**

Dalam Wawasan Brunei 2035 tiga matlamat yang ingin dicapai ialah untuk melihat kejayaan rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi, mempunyai kualiti hidup yang tinggi dan menjadikan ekonomi negara dinamik dan berdaya tahan. Dalam mencapai matlamat ini golongan belia adalah sebagai nadi penggerak untuk proses kearah matlamat tersebut. Dalam erti kata lain negara akan mencapai matlamat itu bila belia masakini diterapkan dengan pendidikan yang berberntuk sahsiah dan jati diri yang mantap. Dengan tidak secara langsung belia akan berperanan agar menjadi lebih dinamik, progresif, aktif dan berfikiran terbuka dalam membentuk dan melakukan perubahan demi meraih tiga matlamat wawasan tersebut yang tidak mustahil mampu dicapai keseluruhannya. Pemikiran belia yang sihat mampu menyediakan warga yang berkualiti dan berketrampilan dari segala aspek bagi menanai dan mentadbir sebuah negara. Untuk usaha kearah menjadikan belia itu berkepemimpinan, generasi belia Brunei diasuh melalui tiupan semangat patriotik yang disalurkan melalui program-program yang berbentuk kenegaraan seperti Program Khidmat Bakti Negara yang telah melalui tahap akhir projek rintisnya. Jelas ini menunjukkan komitment yang berterusan untuk mengelingi kepentingan belia-belia dinegara ini amat diambil berat oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Apa yang diinginkan oleh negara ialah belia yang dilahirkan melalui program ini dapat memberikan suatu sumbangan khidmat bakti untuk negara dan masyarakat khususnya bagi merealisasikan impian negara untuk menuju wawasan tahun 2035.

### **Cipta nama dipersada Antarbangsa**

Perjuangan belia tidak hanya tertumpu didalam negara bahkan sebilangan belia telah menempah nama dipersada antarabangsa. Ini menunjukkan bahawa keluhuran belia untuk mengenalkan Negara Brunei Darussalam ke dunia antarabangsa harus dipuji kerana bukan mudah untuk menempah dan mencipta nama diluar negara. Kesungguhan belia itu dapat dilihat apabila belia Brunei ada yang telah menjakkan kaki dikutub Selatan, penjelajahan ekspedisi Brunei mengelilingi dunia menggunakan kenderaan pacuan empat roda dan yang lebih mengagumkan dalam bidang sukan, apabila negara Brunei telah menghantar atlet untuk menyertai Sukan Olimpik di London 2012. Dalam tahun yang sama, kejuaraan Bolasepak belia bagi Piala Hassanal Bolkiah 2012 (HBT) masih menggamit ingatan rakyat brunei bilamana pasukan yang mewakili negara kesemuanya terdiri dari belia-belia negara telah berjaya merangkul gelaran juara buat pertama kalinya. Dalam bidang keagamaan pula Peserta Qari dan Qariah dalam pertandingan membaca Al-Quran antarabangsa juga telah mengharumkan nama

negara sekaligus mendapat tempat dalam pertandingan tersebut. Inilah barisan belia-belia cemerlang kitani yang mampu menaikkan dan memartabatkan nama negara sebaris dengan negara-negara yang sudah lama bertapak dalam bidang-bidang tersebut. Kepercayaan negara untuk belia-belia tersebut telah membawa hasil. Apa yang perlu ada lagi ialah sokongan serta komitment pihak-pihak tertentu dalam memberi ruang dan peluang bagi meraih kejayaan seterusnya dalam berbagai bidang. Bak kata pepatah ‘Pengayuh sudah ditangan, Perahu sudah di air’ Belia brunei setentunya bersiap siaga setiap masa untuk menabur bakti kepada negara.

### **Lahirkan Generasi Belia Syumul**

*‘Kita adalah menginginkan belia-belia yang sempurna lagi unggul. Sesungguhnya keinginan ini memanglah wajar dan luhur. Tetapi Bagaimakah untuk kita mencapainya?’* Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah, Sultan dan yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan ke-7 tahun 2012.

Dalam kita memberikan asuhan dan bimbingan sewajarnya kepada golongan belia-belia, peranan ibubapa mahupun guru atau pemimpin harus proaktif dan kreatif mencorakan sikap dan daya fikir serta akhlak belia menjurus kepada petunjuk Al-Quran dan As-Sunnah seperti yang dituntut dalam agama Islam kerana dua sumber tersebut terdapatnya ilmu yang perlu dipelajari untuk menjadi insan yang syumul. Dalam pengisian untuk menjadikan belia cemerlang, kewajiban untuk mempelajari ilmu pengetahuan khususnya ilmu Agama adalah satu yang dituntut. Apatah lagi negara kita cukup dikenali sebagai Negara Zikir yang mengamalkan konsep Melayu Islam Beraja .Justeru itu, kita mahukan luaran dan dalaman diri belia itu diisi dan dibekalkan dengan ilmu-ilmu duniaawi dan ukhrawi. Kejayaan membina masa depan yang lebih baik dan cemerlang banyak bergantung kepada keupayaan generasi belia masa kini yang diukur dengan sejauhmana ilmu yang diterapkan mampu mengolah belia dalam menghadapi cabaran-cabaran yang mendatang. Apa yang diinginkan cabaran atau budaya-budaya yang negatif harus disekat secara keseluruhannya. Disini ibubapa berperanan besar dalam mengawal tingkahlaku belia semenjak dari rumah kerana pendidikan dari rumah adalah usaha bagi mencegah dan mengelakkan belia –belia terikut-ikut dengan budaya dan moral yang tidak senonoh.Jadikan belia insan yang sempurna akhlaknya dan unggul keperibadiannya untuk dijadikan belia yang syumul.

### **Kesimpulan**

Apa yang diharapkan dalam kita membina kehidupaan yang lebih baik dengan kemunculan pemimpin-pemimpin belia yang cemerlang akan datang, kita seharusnya sudah berbangga dengan kebolehan dan kecemerlangan belia yang ada pada masa kini. Belia kini adalah golongan muda yang sudah digilap bakatnya yang berpotensi untuk muncul memberikan corak kepimpinan demi bangsa, agama dan negara.Kita renungkan kata-kata Yusuf Al-Qaradhawi *‘Jika Ingin melihat masa hadapan sesebuah negara, maka lihatlah pada golongan belianya. Jika baik akhlaknya, maka akan baiklah masa depan negara itu, tetapi jika sebaliknya, maka negara tersebut akan lenyap’*.Kata-kata ini memberikan gambaran bagaimana belia itu sangat penting dan berharga buat negara.Harapan negara ialah untuk melihat belia masa kini dapat menjadi modal insan cemerlang seterusnya mengangkat negara ketahap lebih gemilang.

**29 TAHUN DI PERSADA DUNIA**  
**Oleh : Pg Hajah Fatimah Pg Haji Md. Noor**  
**Penolong Penyunting Tingkat I**

**K**e arah membina kerjasama global demi pembangunan, Negara Brunei Darussalam giat meneruskan usaha-usaha untuk mempromosikan suatu iklim perdagangan yang terbuka dan tidak berdiskriminasi, untuk mengukuhkan komitmen di dalam peningkatan *good governance* dan di dalam menyokong pencapaian perkembangan, kestabilan dan kemakmurkan negara di arena nasional, serantau dan antarabangsa.

Dengan itu, negara kita aktif di dalam menyemai perhubungan diplomatik dan perdagangan yang baik bersama negara-negara luar melalui kerjasama dua hala serta juga melalui keahliannya di arena *sub-regional*, serantau dan antarabangsa tetapi terus aktif memperjuangkan kedamaian sejagat bagi membina dunia yang adil dan sejahtera. Dalam erti kata yang lain, kita berhasil meletakkan bumi yang kecil ini berdiri sama tinggi dengan negara-negara lain dan sehingga kini menjalin hubungan diplomatik dengan hampir 200 buah negara dunia. Selain itu, banyak negara luar juga berminat untuk berdagang dan membuat pelaburan di negara kita.

Dalam masa 29 tahun sejak mencapai kemerdekaan pada 1 Januari 1984, penglibatan negara terus terserlah dengan memikul tanggungjawab bersama masyarakat global bagi mewujudkan keamanan dunia sejagat. Dalam apa jua isu-isu global, Negara Brunei Darussalam berperanan aktif bagi menyelesaikan sebarang pertikaian, kemelut politik, ekonomi sehingga membawa kepada isu-isu kemanusiaan. Brunei terus mendapat pengiktirafan dan dihormati, digalati serta disanjung tinggi oleh pemimpin-pemimpin dunia. Tegasnya hampir tiga dekad itu, negara terkenal dan termasyhur di seluruh pelusuk dunia baik di Timur mahupun di Barat.

Dalam usaha untuk mengintegrasikan negara ke dalam ekonomi global, negara telah meneruskan usaha bagi mengukuhkan perhubungan antarabangsa yang disemai melalui perjanjian perdagangan bebas di tahap dua hala dan juga pelbagai hala dan giat memperkembangkan perhubungan perdagangan negara melalui perjanjian-perjanjian pelbagai hala yang disertai sesama ASEAN atau rakan-rakan dialog seperti Australia dan New Zealand, China, India, Jepun dan Republik Korea.

Menerusi perjanjian perdagangan dua hala mahupun keahlian kita serta kerjasama-kerjasama serantau dalam Sidang Kemuncak Ketua-Ketua Negara ASEAN, Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM), Mesyuarat Ketua-Ketua Ekonomi Asia Pasifik (APEC), Mesyuarat Asia - Eropah (ASEM) dan Mesyuarat Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM), negara kita terus berusaha memperkuatkan hubungan dipertingkatkan untuk membuka peluang-peluang pasaran baru.

Antaranya adalah seperti yang dapat dilihat dari keahlian Negara Brunei Darussalam di dalam ASEAN, BIMP-EAGA, APEC, OIC, WTO dan PBB, Dengan khusus lagi, penglibatan Negara Brunei Darussalam di dalam beberapa perjanjian perdagangan bebas dalam tahap pelbagai hala (multilateral)

seperti di antara ASEAN dan rakan-rakan dialognya juga memberi bukti kuat berkenaan peranan aktif yang diambil bagi meningkatkan kerjasama global demi pembangunan.

Lebih daripada itu, Negara Brunei Darussalam juga mengambil peranan yang dinamik di dalam mempertingkatkan tahap pembangunan negara dari segi ekonomi dan juga sosial dan aktif di dalam memberi sokongan teknikal serta kewangan kepada negara-negara lain di antaranya sokongan-sokongan seperti melalui penganugerahan biasiswa, pemberian latihan dan pembangunan kapasiti serta juga bantuan-bantuan muhibah.

Dengan menyedari akan kepentingan teknologi di dalam perkembangan iklim global dan juga pembangunan ekonomi yang efisien, negara meneruskan lagi usaha bagi untuk menguatkan lagi sektor teknologi informasi dan komunikasi dengan mempertingkatkan teknologi-teknologi yang sedia ada serta juga dengan mengadaptasikan teknologi-teknologi yang baru.

Sikap kesederhanaan kita telah mampu meletakkan negara kita berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah di arena antarabangsa. Hasil daripada keberangkatan pemimpin kita kasih itu, negara buka sahaja kini dikenali tetapi tetap dihaormati dan digalati. Kini di era global, bangsa Brunei seiring dengan masyarakat dunia yang lain. Begitu juga peranan dan sumbangannya ini di mata dunia semakin menyerlah dan mendapat pengiktirafan antarabangsa.

Keberangkatan ke luar negara itu secara signifikannya telah membolehkan kita menjalin ikatan dan rangkaian pelbagai kerjasama yang begitu menggalakkan meliputi bidang ekonomi, perdagangan, pelaburan, pendidikan, kewangan, pertahanan, penerangan, penyiaran, kesihatan, pertanian, kebudayaan, perkhidmatan udara, pelancongan, sukan dan belia.

## **DINAMIK**

Kita yakin negara akan terus mengadakan dasar luar yang bebas dan dinamik, supaya berjaya buka sahaja mengikat hubungan politik dan diplomatik dengan banyak negara bahkan juga menggalakkan kepentingan perdangan dan ekonomi kita sendiri.

Dalam konteks ini, kita melihat agenda utama dasar luar dan peranan perwakilan-perwakilan negara di luar hendaklah meletakkan agenda ekonomi dan perdagangan teratas sekali.

Dalam hubungan ini, semua pihak memanfaatkan hubungan antarabangsa sebaik-baiknya untuk meningkatkan perdagangan dua hala dengan Negara Brunei Darussalam untuk kebaikan dan kepentingan ke semua lapisan rakyat dan perlunya negara memanfaatkan pendekatan Islam yang diamalkan oleh negara ini sebagai instrumen dalam memajukan keamanan sejagat.

Pada sidang Kemuncak Ketua-Ketua Negara / Kerajaan ASEAN Ke - 16 pada bulan April 2010, baginda bertitah pada sesi *retreat* mencadangkan beberapa cara bagi ASEAN meningkatkan lagi keberkesanannya dan kepercayaannya seperti mengatasi cabaran-cabaran yang terus menjelaskan pautan ASEAN dalam merealisasikan Komuniti ASEAN menjelang kepentingan ASEAN.

“ASEAN perlu meningkatkan lagi peranan strategik serta memastikan kepentingan rakan-rakan sahabat dengan mengambil pendekatan yang seimbang terhadap kempimpinan ASEAN sambil memberi peluang-peluang kepada rakan-rakan luar untuk menyumbang kepada proses berkenaan.”

Begitu juga dalam Sidang Kemuncak Ketua-Ketua Negara ‘Kerajaan ASEAN Ke - 17 pada 2010, Brunei menyuarakan Pelan Induk Kesalinghubungan ASEAN atau ‘ASEAN Connectivity Master Plan’ perlu diselaraskan secara menyeluruh pada peringkat nasional dan serantau bagi memastikan semua yang berkepentingan akan membuat usaha untuk melaksanakan pelan induk tersebut secara efektif.

Peranan kita di arena antarabangsa dan global amatlah dihormati jiran tetangga serta negara-negara sahabat yang jauh walaupun dekat. Malah kita mendapat pengiktirafan, dihormati dan disegani oleh bangsa-bangsa lain. Kita telah berjaya membuktikan kepada negara luar bahawa walaupun negara kita kecil dalam peta dunia tetapi kita juga mampu bekerjasama dalam pelbagai bidang dengan pihak antarabangsa demi kepentingan bersama.

Pada tahun ini, neara kita telah mengambil alih selaku Pengurus ASEAN bagi mesyuarat-mesyuarat antaranya Mesyuarat Kemuncak ASEAN bagi Ketua-Ketua Kerajaan Negara-negara ahli ASEAN dan Mesyuarat Kemuncak ASEAN bersama Negara-Negara Rakan. Sebagai tuan rumah, kita akan berpeluang menunjukkan kepada dunia kebolehan kita mencapai kemajuan, keamanan dan keharmonian bermasyarakat termasuk menerima para tetamu dengan mesra dan hormat.

## **SANJUNGI BAHASA RASMI NEGARA**

**Oleh: Norliah binti Md. Zain**

**Penolong Pneyunting Tingkat 11**

**N**EGARA Brunei Darussalam telah menetapkan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara dan ianya telah termaktub di dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959 dan Pindaan 2004. Perlembagaan Negara Brunei Darussalam (Pindaan) 2004 Fasal 82 [3] menyatakan bahawa sekiranya terdapat sebarang kewahaman, pertelingkahan atau percanggahan antara naskhah bahasa Melayu dan naskhah bahasa Inggeris Perlembagaan (ini), atau apa-apa juga yang dicetak atau ditulis menurut Fasal 82 [2], maka naskhah bahasa Melayu hendaklah dipakai.

Setiap rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mestilah tahu berbahasa melayu kerana ia merupakan bahasa perpaduan di negara ini. Bagi mereka yang mengagung-agungkan bahasa asing, sepatutnya berasa malu kerana melebihkan bahasa orang lain daripada bahasa sendiri yang menjadi milik kita.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pernah bertitah sempena Majlis Sambutan Jubli Emas 50 Tahun Penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka (1961 – 2011) pada hari Sabtu, 19 Syawal 1432H/17 September 2011M, antara lain baginda bertitah:

*“Tidakkah kita sedang menyaksikan berapa banyak bangsa-bangsa di dunia yang sangat kuat dan patuh menggunakan bahasa mereka, dan mereka itu adalah lebih maju daripada kita. Mereka membangun dan berkembang dengan bahasa mereka. Apakah kita tidak tersuntik untuk maju seperti juga mereka, melalui bahasa kita sendiri? Bukankah kita sudah mengenal pasti, bahawa bahasa kita Bahasa Melayu adalah bahasa yang berstatus lingua franca semenjak dari enam ratus tahun lagi?”*

Lazimnya kita mula mengenali bangsa seseorang individu itu daripada bahasanya. Dengan kita mengetahui turut bahasanya, kita akan tahu bagaimana kekayaan budaya sesebuah bangsa itu. Inilah yang dikatakan bahasa identiti bangsa.

Negara Brunei Darussalam merupakan sebuah kesultanan melayu yang tertua di dunia kerana masih lagi mengamalkan ciri-ciri sebuah kesultanan melayu yang tulin. Menjadikan raja sebagai pemerintah tertinggi dan mempunyai kuasa mutlak yang diwarisi secara turun-temurun, Islam sebagai agama rasminya dan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasminya yang kemudiannya menjadikan Melayu Islam Beraja (MIB) sebagai falsafah negara.

### **Apa Rasionalnya Bahasa Melayu Dipilih Jadi Bahasa Rasmi Negara?**

Majoriti penduduk di negara ini adalah terdiri dari bangsa melayu yang terdiri daripada tujuh puak iaitu Puak Brunei, Tutong, Belait, Bisaya, Murut, Dusun dan Kedayan. Walaupun setiap

puak mempunyai bahasa puaknya masing-masing namun bahasa melayu adalah bahasa yang lazim digunakan untuk berkomunikasi dengan puak yang lain. Ini menunjukkan bahasa melayu merupakan bahasa komunikasi yang luas digunakan di negara ini. Tidak mungkin bahasa yang hanya diketahui oleh sebilangan kecil penduduk dapat diterima atau diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan sesebuah negara.

### **Uusaha Pihak Kerajaan**

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Negara Brunei Darussalam yang telah wujud sejak tahun 1961 adalah sebuah jabatan kerajaan yang memainkan peranannya sebagai institusi yang memegang amanah dalam membina dan mengembangkan bahasa Melayu di Negara Brunei Darussalam.

Menguasai dan mengamalkan bahasa Melayu sebagai bahasa pertuturan harian, bahasa perhubungan antara kaum dan bahasa rasmi negara. Kesungguhan DBP untuk memartabatkan bahasa Melayu amat giat dilakukan termasuk memastikan pelbagai urusan dikendalikan dalam bahasa Melayu di kalangan sektor awam dan digalakkan perkara sama di sektor swasta. Dalam usaha memperkayakan bahasa Melayu, DBP telah banyak menerbitkan beberapa kamus-kamus istilah dalam pelbagai bidang. Malah Kebawah DYMM ketika bertitah pada Majlis Sambutan Jubli Emas 50 Tahun Penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka (1961 – 2011), melahirkan rasa gembira bilamana baginda melihat bahawa sepanjang lebih lima dekad yang lalu, Negara Brunei Darussalam melalui DBP telah menghasilkan penulis-penulis tanah air yang menulis dalam bahasa Melayu dalam mana mereka ini setanding dengan penulis-penulis luar negara. Pencapaian tersebut dapat dilihat melalui pengiktirafan dan anugerah penulisan serantau yang diterima oleh mereka.

Selain DBP, beberapa institusi kerajaan yang lain turut memainkan peranan dalam sama-sama memartabatkan bahasa melayu di kalangan rakyat dan penduduk di negara ini. Antaranya dalam Sistem Pendidikan Negara Abad Ke 21 atau SPN21, Kementerian Pendidikan telah memberi penekanan yang kuat kepada keupayaan penguasaan bahasa Melayu dengan baik di samping bahasa Inggeris.

Selain itu para penuntut juga adalah dimestikan untuk mendapat kredit dalam Bahasa Melayu untuk melanjutkan pelajaran ke institusi-institusi pengajian tinggi di negara ini.

Selain itu, Jabatan Imigresen juga tidak terkecuali dalam sama-sama memberikan peranannya. Dalam mengendalikan permohonan kerakyatan, jabatan ini diberikan mandat untuk menilai keupayaan pemohon kerakyatan dengan mengadakan ujian bahasa Melayu secara lisan dan secara bertulis. Setentunya ini adalah suatu amanah yang besar dari raja kitani Kebawah DYMM.

Oleh itu apa yang diharapkan bagi setiap mereka yang telah berjaya mendapat kerakyatan agar setiap penerima terus mengamalkan dan menguasai bahasa melayu ketika berinteraksi dengan orang ramai di negara ini. Ini kerana jika mereka tidak dapat menguasai dengan baik, setentunya akan menimbulkan persoalan dan boleh menjaskan imej negara kita sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja.

Bahasa Melayu bukan sahaja satu bahasa perhubungan tetapi juga ia boleh menjalinkan perpaduan yang berkesan dan bermakna untuk menyatukan semua puak di negara ini sama ada di kawasan Bandar maupun luar bandar. Oleh sebab itu, bahasa melayu perlu dipelihara dan sama-sama menjiwainya dengan pegangan ‘Bahasa Jiwa Bangsa’.

### **Bulan Julai Bulan Bahasa**

Kebawah DYMM telah bertitah mengisytiharkan bulan Julai sebagai Bulan Bahasa dalam Majlis Sempena Sambutan Jubli Emas Penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei pada 19 Syawal 1432H bersamaan 17 September 2011M. Dengan adanya pengisytiharan Bulan Bahasa, ini mencerminkan harapan agar rakyat memiliki sikap dan semangat positif untuk menjadikan diri mereka sebagai satu bangsa yang bermaruah dengan mendaulatkan bahasanya sendiri (bahasa Melayu).

Selain dari itu, Kebawah DYMM juga menekankan pentingnya memelihara dan mempertahankan tulisan Jawi iaitu satu keunikan yang ada pada sistem dan kaedah bahasa Melayu yang mungkin tidak terdapat pada bahasa-bahasa lain. Baginda turut menyeru agar ahli-ahli bahasa dan para sarjana termasuk ahli agama untuk terlibat sama dalam memastikan bahawa tulisan dan ejaan Jawi dan Rumi adalah selaras dengan bunyi sebutan yang betul agar ianya tidak bercanggah.

### **Perlu Fasih**

Kebawah DYMM juga pernah bertitah agar kita tidak menjadikan bahasa melayu sebagai bahasa kelas kedua. Kita wajib mempelajarinya lebih mendalam lagi supaya lebih fasih berkomunikasi dalam bahasa tersebut, lebih mahir menulis dan membaca.

*“Kita sama sekali bukan menafikan kepentingan bahasa asing. Malah kita juga menggalakkannya supaya dipelajari dan didalami, terutama bahasa-bahasa asing yang utama. Cuma yang lebih penting di sini ialah pendaulatan Bahasa Melayu itu mestilah ia jangan dikendurkan, jangan sampai ‘dikeduakan’, atau kita dengan sengaja melangkahinya dalam keadaan dan ketika yang tidak perlu,” titah baginda.*

Bahasa Melayu menjadi bahasa lingua franca yang digunakan di alam Melayu sejak beberapa kurun dahulu hingga sekarang. Pada masa ini bahasa Melayu di Nusantara digunakan oleh hampir tiga ratus juta umat. Bahasa Melayu juga merupakan salah satu bahasa ilmu dalam berbagai bidang keilmuan dan bahasa ini telah diajarkan di sesetengah pusat pengajian tinggi seluruh dunia.

Menguasai bahasa Melayu bukan bermakna kita tidak perlu menguasai bahasa-bahasa lain khasnya bahasa yang bertaraf antarabangsa seperti bahasa Inggeris, Perancis, Arab, Mandarin dan lain-lain kerana lagi banyak bahasa yang kita tahu maka lebih mudah kita berkomunikasi dan berinteraksi dengan masyarakat yang menggunakan bahasa tersebut yang boleh membawa kesan positif kepada pembangunan sosioekonomi dan sosiopolitik antarabangsa.

## **Mempertahankan Bahasa Melayu Akan Mempertahankan Calak Brunei**

Dengan mengagungkan dan menyanjung bahasa melayu, dengan sendirinya kita juga akan menanamkan rasa cinta kepada budayanya juga. Mengagungkan bahasa sendiri setentunya membuatkan kita juga berbangga dengan cara hidup kita orang-orang Brunei dengan identitinya yang tersendiri. Inilah yang dikatakan calak Brunei. Mencintai bahasa sendiri juga boleh menghindarkan kita daripada terus mengagung-agungkan budaya asing yang tidak bersesuaian malah ada yang bertentangan dengan cara hidup kita.

Dengan sering mengamalkan bahasa melayu, setentunya ia akan menanamkan sifat jati diri orang-orang melayu dalam diri kita. Kesantunan, kehalusan budi, keelokan bahasa setentunya dapat ditanamkan dalam setiap individu dan seterusnya mencerminkan budaya dan gaya hidup orang-orang Brunei. Ini akan menjadikan orang-orang Brunei dihormati kerana kekuatan budayanya yang sukar untuk digugat.

### **Kesimpulan**

Bersempena dengan hari kebangsaan yang ke-29 ini, seluruh rakyat dan penduduk haruslah menanamkan rasa patriot dalam diri masing-masing dengan menyanjungi bahasa melayu dan seterusnya mempertahankan identiti atau calak Brunei yang sudah kita miliki, selaras dengan tema Negaraku Brunei Darussalam. Inilah Negaraku Brunei Darussalam, negara kebanggaanku. Punya bahasa dan calaknya yang tersendiri, menjadikan negaraku sebuah negara yang berdaulat dan demokratik bersendikan ajaran-ajaran Islam. Peliharalah bahasa melayu dengan mempelajarinya sehingga ke tahap yang lebih tinggi agar ianya terus menjadi identiti bangsa di negara kita. Semua pihak mestilah bertanggungjawab agar usaha mendaulatkan bahasa Melayu tidak akan kendur sampai bila-bila.



